

TUN TAN CHENG LOCK

NORA HJ. SAMAT

GOODMARK ENTERPRISE

8-1, Jalan 3/154,
Taman Bukit Anggerik,
56000 Cheras Kuala Lumpur.
Tel/Fax : 03-9100 1877

©GOODMARK ENTERPRISE.

Cetakan Pertama 2003

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nora Hj. Samat

Tun Tan Cheng Lock / Nora Hj. Samat.

(Siri tokoh pejuang negara)

ISBN 983-057-305-2 (set)

ISBN 983-057-309-5

1. Tan, Cheng Lock, Tun Dato' Sir, 1883-. 2. Ministers--

Malaysia--Biography. I. Judul. II. Siri.

923.2595

Dicetak Oleh :
Long Champ Enterprise
Kuala Lumpur..

M

923.2595

NOR

M
1110756

17 JUN 2003

*Perpustakaan Negara
Malaysia*

Prakata

Sejak dahulu lagi, bumi Malaysia melahirkan pejuang-pejuang negara dalam menuntut kemerdekaan. Kemudian kesinambungan dalam mengisi kemerdekaan menjadi wadah untuk Malaysia terus maju ke hadapan.

Pelbagai tokoh yang berkalibar berjaya menonjolkan karisma masing-masing. Ini termasuk tiga orang pemimpin ulung Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Tidak lupa juga tokoh di kalangan masyarakat Cina iaitu Tun Tan Cheng Lock dan Tun Tan Siew Sin. V.T Sambathan pula pejuang masyarakat India.

Kesungguhan dan iltizam tokoh-tokoh berkenaan telah memastikan Malaysia terus maju walaupun mendapat pelbagai kecaman dan tentangan. Namun rakyat pelbagai kaum telah memerah tenaga memajukan negara. Hasilnya, Malaysia terus maju dan makmur.

Selamat Membaca.
Pengarang.

TUN TAN CHENG LOCK

PENGENALAN

Tun Tan Cheng Lock antara pemimpin dari masyarakat Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu. Suatu ketika dahulu orang Cina datang ke Tanah Melayu untuk mencari harta kekayaan dan pulang semula ke negara asal. Memandangkan Tun Tan Cheng Lock dilahirkan dan dibesarkan di Tanah Melayu yang ketika itu terdiri daripada pelbagai kaum, menyebabkan beliau mempunyai sikap baru tidak seperti nenek-moyang beliau.

Tun Tan Cheng Lock dan generasi berikutnya mula menganggap Tanah Melayu sebagai negara mereka, bukan lagi sebagai "orang Cina di seberang laut". Mereka mula menumpukan taat setia kepada Tanah Melayu sebagaimana orang Melayu yang menjadi rakyat pribumi.

Sehingga penghujung abad ke-19, penjajah Inggeris telah menerima tentangan daripada penduduk Melayu. Pada awal abad ke-20, penjajah Inggeris terpaksa menghadapi tentangan kaum Cina yang diwakili Tun Tan Cheng Lock. Beliau menuntut hak sebagai pemimpin tempatan untuk sama-sama mentadbir Tanah Melayu bersama orang-orang Melayu.

Sebelum itu belum terdapat lagi dalam sejarah Tanah Melayu seorang pemimpin Cina yang begitu berkaliber dan popular seperti yang ditunjukkan oleh Tun Tan Cheng Lock.



Tun Tan Cheng Lock semasa muda

LATAR BELAKANG

2

[Tun Tan Cheng Lock dilahirkan pada 5 April 1883 di Jalan Heeren, Melaka. Asal-usul keturunan beliau bermula di Wilayah Fukien, China dan berhijrah ke Melaka pada tahun 1770-an. Penghijrahan tersebut dilakukan oleh Tan Hay Kwan, iaitu moyang kepada Tun Tan Cheng Lock.]

Tan Hay Kwan menjalankan perniagaan yang beroperasi di sekitar Melaka sehingga ke Makasar. Selepas kematian Tan Hay Kwan, anaknya Tan Tian Hock meneruskan perniagaan tersebut tetapi orang yang bertanggungjawab memajukan dan mengembangkan perniagaan keluarga tersebut ialah cucunya, Tan Choon Bock.

Tan Choon Bock menukarkan tongkang kepada kapal wap pada tahun 1860-an. Beliau juga kemudiannya mengasaskan syarikat perkapalan yang beroperasi di pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu. Seterusnya pada tahun 1884, syarikat ini bergabung dengan syarikat perkapalan yang diasaskan oleh bapa saudara beliau iaitu Lee Keng Yong.

Enam tahun kemudian iaitu pada tahun 1890, seorang bangsa Eropah bernama Bogaart yang memiliki sebuah kapal wap "PAPPHO" menyertai pergabungan itu. Syarikat baru ini dikenali sebagai "The Straits Steamship Co. Ltd."

Tan Choon Bock bukan sahaja mengembangkan perniagaan keluarga, malah beliau juga membuat pelaburan dalam penanaman ubi kayu dan gambir serta mempunyai

beberapa estet. Beliau mengambil idea Barat dan memulakan penggunaan mesin dalam estet ubi kayunya.

Hasil perkahwinan dengan Thung Soon Neo, Tan Choon Bock memperolehi empat orang anak lelaki iaitu Keong Keng, Keong Jeang, Keong Ann dan Keong Thye. Keong Ann mengahwini Lee Seck Bin dan mendapat tujuh anak iaitu Cheng Siang, Cheng Siew, Cheng Lock, Guat Choo, Guat Kee, Guat Poh dan Cheng Juay.

Keluarga yang besar dan elaun yang kecil menyebabkan Cheng Lock membesar dalam suasana pembelajaran yang tegas dan keras. Dari kecil lagi beliau telah mengetahui kepentingan membelanjakan wang dengan berhati-hati. Kepayahan hidup jugalah yang mendorong beliau untuk berjaya dalam hidup.

Beliau dikatakan mewarisi sikap degil, serius dan berkerja keras daripada datuknya, Tan Choon Bock. Oleh itu Tun Tan Cheng Lock sentiasa bekerja keras sama ada semasa menuntut, bekerja dan memimpin negara. Sifat inilah yang menyebabkan beliau berjaya dalam hidup.

Tragedi yang menimpa keluarga beliau sedikit sebanyak berperanan mendorong Tun Tan Cheng Lock untuk menjadi seorang yang berguna. Tragedi tersebut ialah kematian abang sulung yang bernama Tan Cheng Siang. Tan Cheng Siang merupakan anak yang paling pintar dalam keluarga dan bercita-cita menjadi seorang doktor.

Tan Cheng Siang meninggal dunia selepas menghidap demam kepialu semasa bersedia untuk mengambil

peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge di Singapura. Kematian itu menjadikan Tun Tan Cheng Lock anak yang paling tua. Beliau berazam untuk menjadi cucu Tan Choon Bock yang berguna.

Tun Tan Cheng Lock menumpukan perhatian kepada pelajaran beliau dan menamatkan pengajian di sekolah Tinggi Melaka pada tahun 1899. Beliau berjaya mendapat biasasiwa Tan Check Guan yang dianugerahkan kepada pelajar yang mendapat tempat pertama atau kedua di sekolah.

Seterusnya Tun Tan Cheng Lock melanjutkan beliau ke *Raffles Institution* di Singapura. Ada sumber yang mengatakan semasa Tun Tan Cheng Lock berada di situ, beliau telah mendapat anugerah Biasiswa Ratu (Queen's Scholarship).

SIKAP TUN TAN CHENG LOCK

Sebagai seorang pemimpin, Tun Tan Cheng Lock mempunyai peribadi yang baik. Ini telah diserapkan dalam diri sejak kecil lagi. Antara sikapnya ialah:

- i. Semangat kental membela keluarga
- ii. Seorang yang berdisiplin
- iii. Kebolehan mentadbir perniagaan



Isteri Tun Tan Cheng Lock

i. Semangat Kental Membela Keluarga

Kematian abangnya yang sulung menaikkan azamnya untuk terus menjadi cucu Tan Choon Bock yang paling berguna. Oleh beliau menumpukan perhatian kepada pelajaran dan beroleh biasiswanya Tan Check Guan yang hanya dianugerahkan kepada pelajar pintar sahaja.

Setelah menjadi penuntut Raffles Institution di Singapura, Tun Tan Cheng Lock dianugerah Biasiswa Ratu (Queen's Scholarship). Bermula dari sinilah dia memulakan kehidupannya yang sebenar. Ini adalah untuk membela nasib keluarganya supaya mempunyai ekonomi yang kukuh pada masa hadapan.

ii. Seorang yang Berdisiplin

Jumlah ahli keluarga yang ramai dan elaun yang sedikit menyebabkan Tun Tan Cheng Lock membesar dalam suasana yang tegas dan keras. Tun Tan Cheng Lock menyedari kepentingan membelanjakan wang akibat kepayahan yang dilaluinya.

Oleh itu beliau menjadi seorang yang tegas, degil, serius dan berkerja keras. Ini terbawa-bawa sikapnya ketika menjadi pengurus ladang, pemilik ladang dan sebagai pemimpin negara. Sifat inilah yang menyebabkan Tun Tan Cheng Lock berjaya dalam hidup. Bahkan beliau tidak

pernah serik untuk terus berbakti kepada Tanah Melayu.

iii. Kebolehan Mentadbir Perniagaan

Sememangnya Tun Tan Cheng Lock seorang yang cekap dalam perniagaan. Oleh itu dalam masa yang singkat sahaja, Tun Tan Cheng Lock telah berjaya menubuhkan Estet Getah Melaka Rinda, Syarikat Ayer Molek dan Estet Melaka Bersatu. Kemudian beliau dilantik menjadi Pengerusi Estet Getah Melaka Bersatu.

Kecekapan ini mengkagumkan pihak British sehingga Tun Tan Cheng Lock dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Perbandaran Melaka pada tahun 1912. Pada tahun yang sama Tun Tan Cheng Lock menjadi Jaksa Pendamai (Justice of the Peace) untuk Melaka.

Hanya beberapa bulan kemudian dilantik sebagai Pesuruhjaya kepada Majlis Perbandaran untuk Bandar-bandar dan Pelabuhan Melaka. Perlantikan ini membuktikan bahawa Tun Tan Cheng Lock memang berkebolehan dalam menentukan aliran ekonomi negara suatu hari kelak.

DI AWAL ALAM PEKERJAAN

Sememangnya Tun Tan Cheng Lock seorang yang bijak. Walaupun beliau mendapat Biasiswa Ratu, namun kos

perbelanjaan amat tinggi, memaksa Tun Tan Cheng Lock untuk tidak melanjutkan pelajarannya. Tambahan ketiadaan penaja untuk membiayai pengajian dalam bidang undang-undang di United Kingdom. Tun Tan Cheng Lock terpaksa memilih untuk menjadi guru di *Raffles Institution*.


Kerja yang sebagai guru ini bermula dari tahun 1902 sehinggalah 1908. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ini adalah untuk memastikan beliau mampu mengumpul wang untuk terus menyambung pendidikannya keperingkat yang lebih tinggi lagi. Oleh itu dengan cekal Tun Tan Cheng Lock mengajar para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Namun begitu terdapat berbagai-bagai insiden yang berlaku semasa Tun Tan Cheng Lock menjadi guru dan mengajar beliau tentang pentingnya kawalan diri serta kemarahan. Sememangnya Tun Tan Cheng Lock seorang yang keras hati, namun apabila berhadapan dengan kerenah pelajar-pelajar, segala perasaan itu dibuang jauh.

Beliau tidak boleh mengajar para pelajar dengan kemarahan kerana ilmu tidak akan dapat diserapkan dalam keadaan marah. Dari situlah pengawalan diri amat penting dan Tun Tan Cheng Lock telah berubah menjadi seorang yang sopan, pelembut dan bertanggungjawab memajukan semua bangsa di Tanah Melayu ketika itu.

Pada masa yang sama Tun Tan Cheng Lock bernasib baik kerana mempunyai seorang ibu yang memahami diri beliau. Ibu beliau membawa beliau dari bilik darjah di Singapura ke ladang getah di Melaka.

A 3



Anak-anak Tun Tan Cheng Lock

Seck Bin ibu beliau, memberitahu walaupun kerjaya guru dipandang tinggi oleh masyarakat tetapi tidak memberi kesempatan sepenuhnya kepada beliau untuk terus maju. Bahkan jiwa Tun Tan Cheng Lock sebenarnya lebih ke arah perniagaan dan pentadbiran. Sungguhpun Tun Tan Cheng Lock pernah menjadi guru, namun beliau sebenarnya tidak mampu mengajar para pelajar dengan sesungguhnya, kerana jiwa Tun Tan Cheng Lock lebih ke arah perniagaan.

Tun Tan Cheng Lock terpengaruh dengan kebenaran yang ditunjukkan oleh ibu beliau, lalu pulang ke Melaka. Tun Tan Cheng Lock berpendapatan tidak ada gunanya beliau menjadi guru sedangkan hatinya ke arah lain. Ini memang diakui sendiri oleh Tun Tan Cheng Lock kerana beliau bercita-cita untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya dan sekaligus berminat dalam pentadbiran negara.

Campur tangan ibu beliau membawa dua kesan. Pertama, Tun Tan Cheng Lock pulang ke Melaka dan seterusnya membolehkan Tun Tan Cheng Lock dicalonkan menjadi ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Keduanya, campurtangan tersebut membenarkan pertukaran kerjaya yang membolehkan Tun Tan Cheng Lock bergaul dengan golongan kaya. Pergaulan dengan golongan kaya ini membolehkan beliau mengambil peranan aktif dalam kehidupan masyarakat Negeri-negeri Selat.

Pada tahun 1908, Tun Tan Cheng Lock menjadi Penolong Pengurus estet sepupu beliau iaitu di Bukit Kajang Rubber Ltd. Hasil kerja keras, beliau dengan mudah memahami perihal penanaman getah. Lama-kelamaan kecekapan beliau

mengkagumkan orang ramai dan beliau terpilih sebagai agen untuk melawat Estet Getah Nyalas pada tahun 1909.

Semasa menjalankan tugas melawat estet-estet ini, Tun Tan Cheng Lock digambarkan sebagai seorang yang sangat tegas dan jarang-jarang senyum. Beliau juga ditakuti oleh kakitangan-kakitangan dan buruh-buruh estet.

Sekiranya berita mengenai lawatan beliau diketahui umum, berita tersebut akan disebarikan dengan berbunyi "Harimau akan tiba esok". Beliau bertindak sedemikian adalah untuk memastikan semua jentera atau pentadbiran di kawasan ladang berjalan dengan lancar. Jika Tun Tan Cheng Lock tidak bertindak tegas, adalah sukar untuk beliau menjaga sebuah ladang yang luas.

Pada tahun 1910, Tun Tan Cheng Lock mendapatkan bantuan kewangan untuk membiayai syarikat getah beliau melalui Chan Kang Swi iaitu seorang ahli perniagaan Melaka yang terkenal. Dengan pinjaman sebanyak RM 10 000 daripada Lee Chim Tuan, beliau menubuhkan pula Estet Getah Melaka Rinda, Syarikat Ayer Molek dan Estet Melaka Bersatu. Beliau berperanan sebagai Pengarah Urusan pada mulanya dan seterusnya Pengerusi Estet Getah Melaka Bersatu.

Keupayaan Tun Tan Cheng Lock menguruskan ladang-ladang getah dengan cekap menarik minat pegawai-pegawai Inggeris. Mereka mula menarik beliau ke arah pejabat awam. Beliau menjadi ahli Suruhanjaya Perbandaran Melaka pada tahun 1912. Pada tahun yang sama beliau dilantik menjadi Jaksa Pendamai (Justice of the Peace) untuk Melaka.

Beberapa bulan kemudian beliau dilantik pula sebagai Pesuruhjaya kepada Majlis Perbandaran untuk Bandar-bandar dan Pelabuhan Melaka.

Tun Tan Cheng Lock mengahwini Yeo Yeok Neo, anak Yeo Tin Thye iaitu ketua masyarakat Hokkien di Melaka pada tahun 1913. Perkahwinan tersebut penting kepada kerjaya beliau kerana sekitar tahun 1913 hingga 1914 beliau mengalami masalah modal cair berpunca daripada spekulasi getah, serta ancaman pemiutang beliau Lee Chim Tuan untuk merampas estet-estet getah beliau.

Isteri beliau membantu dengan memberi sejumlah wang sebanyak RM 130 000 yang diwarisi daripada bapa beliau. Kejadian tersebut mengajar Tun Tan Cheng Lock akan perlunya sikap berhati-hati terhadap modal cair. Harta pusaka warisan isteri beliau menyediakan modal untuk Tun Tan Cheng Lock mengumpul kekayaan seterusnya memperolehi peranan kepimpinan dalam masyarakat yang mementingkan harta kekayaan serta pengakuan British.

KEGIATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Tun Tan Cheng Lock bergiat cergas dalam perkhidmatan awam selama lebih daripada 40 tahun. Beliau menjawat pelbagai jawatan seperti :

- i. Jaksa Pendamai (Justice of the Peace) pada tahun 1912.
- ii. Pesuruhjaya Perbandaran Melaka dari tahun 1912



Tun Tan Cheng Lock bersama kaum kerabat dan sahabat handai

hingga 1922

- iii. Menghidupkan semula Kompeni Sukarela Cina Melaka (Malacca Chinese Volunteer Company) dan menjadi prebet dalam kompeni selama lima tahun
- iv. Bergiat dalam Pertubuhan Perunding China Negeri Selat (Straits Chinese Consultative Committee yang dibentuk oleh Sir Cecil Clementi)
- v. Ahli tidak rasmi Majlis Perundangan penempatan Negeri-negeri Selat
- vi. Menjadi ahli tidak rasmi Majlis Eksekutif Negeri-Negeri Selat dari tahun 1933 hingga 1935

Selain itu Tun Tan Cheng Lock juga menentang kemasukan British ke dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Beliau jugalah yang bertanggungjawab mempengaruhi Sir Cecil Clementi untuk memperkenalkan Perkhidmatan Awam Penempatan Negeri-negeri Selat.

Keyakinan Tun Tan Cheng Lock terhadap dan rakyat amat kukuh dan sedikit sebanyak keyakinan tersebut mempengaruhi pendirian satu-satunya anak lelaki beliau iaitu Tun Tan Siew Sin.

PENGLIBATAN DALAM PENTADBIRAN BRITISH

Sungguhpun Tun Tan Cheng Lock lebih cenderung untuk memajukan ladang getahnya, namun masih mampu menceburi pelbagai aktiviti yang melibatkan badan-badan sukarela. Ini adalah disebabkan sifat suka mentadbir yang

terdapat dalam jiwanya. Oleh itu walaupun sibuk menguruskan perniagaan, dia masih mampu meluangkan masa untuk kerja-kerja amal terutama dalam mengubah sikap masyarakat ketika itu. Antara badan-badan yang disertai beliau ialah:

- i. Pertubuhan Sukarelawan Cina Melaka
- ii. Majlis Perundangan
- iii. Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat
- iv. Majlis Kolej Anglo-Chinese
- v. Mengetuai delegasi Majlis Perundangan
- vi. Menganjurkan Hartal

i. Pertubuhan Sukarelawan Cina Melaka

Tun Tan Cheng Lock bekerja keras untuk mendapatkan pengiktirafan dari British terutama setelah melihat kejayaannya dalam mentadbir perniagaan. Dari awal lagi Tun Tan Cheng Lock berminat untuk menceburi bidang perniagaan terutama perladangan, walaupun cabaran tetap ada. Namun begitu Tun Tan Cheng Lock berjaya menyelesaikan segala masalah sehingga mampu membuka empayar sendiri. Bahkan Tun Tan Cheng Lock amat terkenal terutama di Melaka dalam sektor perladangan.

Sehubungan itu pada tahun 1914, beliau yang mempunyai pengaruh yang cukup besar telah berjaya membantu menghidupkan semula Pertubuhan Sukarelawan Cina Melaka dan berkhidmat sebagai anggota prebet sehinggalah

tahun 1919. Pada masa itu beliau tidak jemu menabur bakti kepada masyarakat Cina yang masih belum mahu terlibat dalam dunia perniagaan secara aktif. Dengan bantuan dan sokongan Tun Tan Cheng Lock, ramai masyarakat Cina yang telah berjaya membuka perniagaan sendiri dan tidak bergantung kepada kerajaan British ketika itu.

Seterusnya pada tahun 1915, beliau menghidupkan semula Persatuan Cina British Negeri-negeri Selat dan terpilih sebagai Presiden. Melalui persatuan inilah masyarakat Cina dari negeri Singapura dan Pulau Pinang dapat bertukar-tukar pendapat dan berhubungkait dalam perniagaan. Oleh itulah tidak hairanlah hubungan antara ahli perniagaan di ketiga-tiga negeri cukup rapat dan mampu saling bantu-membantu antara satu sama lain. Dari sinilah pihak British amat mengkagumi kebolehan Tun Tan Cheng Lock.

ii. Majlis Perundangan

Setelah berjaya menubuhkan Pertubuhan Sukarelawan Cina Melaka dan Persatuan Cina British Negeri-negeri Selat, peranan Tun Tan Cheng Lock tidak hanya sampai di situ sahaja. Beliau telah cuba menyerapkan diri dalam dunia politik, walaupun secara perlahan. Oleh itu penglibatan Tun Tan Cheng Lock dalam persatuan secara tidak langsung menjadi sumber utama sokongan politik sepanjang perkhidmatan beliau dalam Majlis Perundangan.



Mempunyai hubungan yang baik dengan orang Inggeris

Dalam Majlis Perundangan, Tun Tan Cheng Lock bertindak sebagai tukang penggerak mengutip derma untuk menghadiahkan sebuah kapal terbang (Malaya No. 26) bagi membantu Empayar British dalam peperangan. Ini merupakan satu langkah yang penting untuk memenangi hati pihak British.

Hanya dengan pembelian kapal tersebut telah berjaya menambat hati British untuk terus memastikan kedudukan Tun Tan Cheng Lock lebih terjamin dan dikira setaraf dengan orang Inggeris yang lain. Melalui kaedah inilah penglibatan Tun Tan Cheng Lock dalam membantu ekonomi Tanah Melayu dan sokongan terhadap British amat dihargai.

iii. Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat

Pernyataan kesetiaan dan *patriotisme* yang ditunjukkan oleh Tun Tan Cheng Lock ini serta bertambahnya peranan kepimpinan beliau dalam masyarakat Cina, dan pentadbiran negeri-negeri Selat diakui oleh British. Oleh itu pada bulan Mac 1920, apabila Gabenor Sir Laurence Guillemard menerima undangan untuk minum petang di rumah beliau, Tun Tan Cheng Lock telah membuat ucapan alu-aluan yang bermaksud membuat permintaan untuk menyertai pihak kerajaan.

Pada kesempatan yang sama, Tun Tan Cheng Lock juga menyatakan keperluan-keperluan Melaka dan memansuhkan sekatan warna kulit dalam Perkhidmatan Awam

Negeri-negeri Selat. Kesemua cadangan tersebut mengka-
gumkan Guillemard dan mendorong beliau untuk melantik
Tun Tan Cheng Lock ke Majlis Perundangan Negeri-negeri
Selat tiga tahun kemudiannya.

Pada tahun 1913, jasa beliau dihargai dan dianugerahkan
Commander of the British Empire. Malah pada tahun 1937,
Tun Tan Cheng Lock terpilih menjadi wakil rasmi Negeri-
negeri Selat ke Majlis Kemahkotaan King George VI di
London.

Semua ini adalah usaha keras yang dilakukan Tun Tan
Cheng Lock untuk memenangi hati pihak British yang
sememangnya keras untuk dilunturkan. Melalui keaktifan
dalam politik, badan sukarela dan sebagainya, pengorbanan
tenaga dan wang ringgit telah memberi satu kelebihan dan
kepercayaan Inggeris ke atas beliau. Semua ini merupakan
satu cara untuk mendekatkan diri dalam petadbiran di Tanah
Melayu.

iv. Majlis Kolej Anglo-Chinese

Sementara itu, antara sumbangan lain yang dibuat oleh
Tun Tan Cheng Lock ialah pada tahun 1918, beliau terlibat
dengan penubuhan Majlis Kolej Anglo-Chinese yang
dibentuk oleh Mubaligh Methodist Melayu. Daripada majlis
ini jugalah Raffles College diasaskan pada tahun 1928.

Penubuhan Majlis Kolej Anglo-Chinese ini adalah untuk

memastikan masyarakat Cina mendapat didikan yang sewajarnya. Oleh itu hampir semua anak-anak Cina yang lahir di Tanah Melayu disarankan belajar dan golongan yang tidak berkemampuan akan diberi bantuan kewangan. Ini disebabkan Tun Tan Cheng Lock berpendapat hanya melalui pendidikan sahaja yang mampu mengubah nasib masyarakat Cina di negara ini.

Lazimnya skop pendidikan lebih berteraskan pendidikan dari negara China. Namun begitu diserapkan juga pendidikan British dan Tanah Melayu supaya segala ilmu dirangkumkan dan dimanfaatkan oleh masyarakat Cina untuk terus tinggal di Tanah Melayu.

Selain itu melalui pengaruh beliau sebagai ahli Majlis Perundangan, kerajaan melantik Persatuan Perkahwinan Cina pada tahun 1926 untuk melaporkan adat perkahwinan kaum Cina. Seterusnya persatuan ini juga perlu menghantar cadangan kepada Majlis Perundangan dengan tujuan membentuk semula syarat-syarat yang mengesahkan suatu perkahwinan Cina.

Melalui kaedah ini, perkahwinan masyarakat Cina boleh dijalankan dengan lancar dan penuh istiadat seperti yang dilakukan oleh nenek-moyang mereka di Negara China. Tambahan pula untuk memastikan kesahihan sesebuah keluarga disamping membuat bancian penduduk Cina di Tanah Melayu.



Kebudayaan Cina masih kekal sehingga kini

v. Mengetuai Delegasi Majlis Perundangan

Dalam tahun 1930-an, beliau mengetuai delegasi yang dianggotai oleh enam ahli Majlis Perundangan (yang bukan berbangsa Eropah) untuk berjumpa dengan Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi, Sir Cecil Clementi. Tujuan delegasi ini ialah untuk meminta dimasukkan rakyat British yang bukan berbangsa Eropah yang dilahirkan di Tanah Melayu ke dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu.

vi. Menganjurkan Hartal

Selain itu pada tahun 1947, Tun Tan Cheng Lock memainkan peranan penting dalam membawa semua bangsa di Melaka untuk menganjurkan hartal pada 20 Oktober di seluruh negara. Tujuan hartal ini ialah untuk menentang Cadangan Pindaan Perlembagaan yang diterima tanpa persetujuan masyarakat umum.

PRESIDEN MALAYAN CHINESE ASSOCIATION (MCA)

Pada tahun 1949, beliau terpilih menjadi Presiden Malayan Chinese Association (MCA) yang mempunyai keahlian seramai 200 000 orang. Kebanyakan masyarakat

Cina yang menganggotai MCA lebih tertumpu di negeri-negeri Selat. Tambahan pula masih ramai masyarakat Cina yang tidak yakin persatuan tersebut mampu memajukan masyarakat mereka. Hanya setelah kemajuan yang ditunjukkan oleh MCA barulah masyarakat Cina banyak menyertainya. Pemilihan disebabkan beberapa faktor. Antaranya:

- i. Peranan Tun Tan Cheng Lock
- ii. Memperkenalkan kemudahan
- iii. Aktif dalam persatuan

i. Peranan Tun Tan Cheng Lock

Peranan yang dimainkan oleh Tun Tan Cheng Lock dalam memajukan masyarakat Cina amat memberangsangkan. Beliau sentiasa memastikan kebajikan masyarakat Cina di Tanah Melayu sentiasa terjamin. Oleh itu beliau bersungguh-sungguh membantu masyarakat Cina untuk sama-sama mentabdir negara ini bersama orang-orang Melayu.

Selain itu Tun Tan Cheng Lock menggalakkan hubungan mesra dengan orang-orang Melayu. Ini penting kerana orang-orang Melayu adalah kaum dominan yang mempunyai pengaruh yang kuat untuk mentabdir negara. Hanya dengan kerjasama masyarakat Cina dan Melayu membolehkan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

ii. Memperkenalkan Kemudahan

Pelbagai kemudahan yang disediakan termasuk bantuan dalam perniagaan, pendidikan dan sebagainya. Pada masa itu masyarakat Cina masih belum kukuh dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Menyedari hakikat ini Tun Tan Cheng Lock sentiasa membantu masyarakat Cina untuk terus maju dalam perniagaan. Dari segi pendidikan pula, Tun Tan Cheng Lock mengalakkan tenaga pengajar dari Cina untuk mengajar anak-anak mereka. Cara ini dapat meningkatkan pendidikan mereka pada masa hadapan.

Anak-anak yang telah mencapai tahap pendidikan yang tinggi akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Tun Tan Cheng Lock sentiasa memastikan anak-anak bangsanya mendapat biasiswa, penaja atau diberi bantuan melalui persatuan. Menyedarai hakikat inilah masyarakat Cina mengangkat Tun Tan Cheng Lock menjadi presiden.

iii. Aktif dalam Persatuan

Selain itu Tun Tan Cheng Lock juga aktif dalam pelbagai badan sama ada bukan kerajaan atau kerajaan. Keaktifan ini adalah membantu masyarakat dalam soal-soal pentadbiran atau sebagainya. Tambahan pula Tun Tan Cheng Lock



Bersama pemimpin-pemimpin Cina

bukan sahaja memperjuangkan masyarakat Cina, tetapi semua bangsa di Tanah Melayu.

Memandangkan sikap yang prihatin inilah menyebabkan namanya kian tersohor di Tanah Melayu. Oleh itu pada bulan September lalu, Sultan Johor telah berkenan menganugerahkan pingat Darjah Paduka Mahkota Johor (DPMJ). Penganugerahan ini adalah untuk disebabkan jasa dan sumbangan yang dilakukan oleh beliau dalam menstabilkan masyarakat bebilang kaum terutama di Melaka dan negeri-negeri Selat yang lain.

Seterusnya pada bulan Januari 1952, beliau dianugerahkan darjah kebesaran oleh King George VI atas kepimpinan berani beliau dalam menyokong kerajaan dan kerjasama antara kaum. Ini merupakan pengikhtirafan yang tertinggi pernah diperolehi oleh Tun Tan Cheng Lock. Penganugerahan ini secara tidak langsung mampu memenangi hati kerajaan British dan Tun Tan Cheng Lock mengambil kesempatan untuk turut menyertai petadbiran kerajaan Tanah Melayu.

SEBAGAI AHLI POLITIK

Ketika berusia 40 tahun, Tun Tan Cheng Lock dilantik sebagai ahli tidak rasmi Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Perlantikan tersebut adalah berpunca daripada penerimaan Sir Laurence Guillemard tentang laporan Persatuan Terpilih ke atas Perlembagaan Majlis Perundangan

Negeri-negeri Selat tahun 1921.

Laporan tersebut mencadangkan perluasan Majlis Perundangan dengan menambah dua ahli tidak rasmi daripada masyarakat Cina. Setelah berjaya memasuki Majlis Perundangan Tun Tan Cheng Lock berjuang pula untuk mengubah majlis berkenaan sepanjang 12 tahun penglibatan beliau.

Tun Tan Cheng Lock yang berjuang untuk memperkenalkan barang dagangan terhad dan penghapusan majoriti pegawai Dalam Majlis Perundangan dan ahli tidak rasmi orang Asia dalam Majlis Eksekutif. Sementara dalam arena bukan perlembagaan pula, beliau berkempen untuk memasukkan rakyat British bukan berbangsa Eropah ke dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Beliau juga berkempen bagi menentang Skim Sri Menanti pada tahun 1931.

Dalam kesemua perjuangan di atas iaitu dalam bidang perlembagaan atau bukan perlembagaan, pandangan beliau banyak dipengaruhi oleh sikap pro-British dan wawasan Tanah Melayu Bersatu.

Hal ini ada kaitannya dengan wawasan politik beliau yang bersifat kerajaan sendiri seperti British Tanah Melayu Bersatu dengan Kerajaan Persekutuan dan Parlimen. Kerajaan yang berfungsi di Kuala Lumpur itu pula mempunyai kuasa mutlak dalam hal-hal tempatan.

Selain itu pemberian taraf kerakyatan penuh kepada semua bangsa turut dibayangkan. Demikianlah matlamat


yang diharap akan dicapai selepas seluruh rakyat telah menyedarinya. Kesedaran bersama ini pula boleh dipupuk secara beransur-ansur supaya wujud hubungan baik antara semua kaum. Tambahan pula kebanyakan masyarakat Cina telah menganggap Tanah Melayu sebagai tanah tumpahnya.

Tun Tan Cheng Lock menyarankan supaya masyarakat Cina menyemaikan perasaan cintakan Tanah Melayu sebagai tanah air dan bukan negara China yang nenek-moyang mereka tinggalkan itu. Hanya dengan ini sahaja soal kerakyatan akan dapat diselesaikan.

Bagi Tun Tan Cheng Lock adalah mustahil kerajaan British memberi kelonggaran kepada masyarakat Cina untuk menjadi rakyat Tanah Melayu sekiranya taat setia mereka diragukan. Begitu juga masyarakat Melayu yang menjadi penduduk dominan di Tanah Melayu akan berasa kurang senang sekiranya segala kemewahan yang diperolehi di bawa ke China. Hanya dengan semangat kesetiaan kepada Tanah Melayu sajalah cara yang terbaik untuk memastikan kerakyatan mereka terjamin.

Sementara dalam berkomunikasi pula, bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai bahasa untuk melahirkan idea-idea yang mewakili semua kaum. Oleh yang demikian, pandangan tersebut akan berdasarkan penggunaan bahasa Inggeris, rasa kecintaan terhadap Tanah Melayu dan kesetiaan kepada Empayar British, tetapi perbezaan dari segi suku bangsa akan dipertahankan.

Namum begitu bahasa Melayu masih boleh digunakan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentabiran



Sebuah Buddha yang melambangkan kebebasan agama

tempat atau yang melibatkan masyarakat Melayu. Penggunaan bahasa Melayu juga wajar untuk tidak meminggirkan bahasa yang menjadi alat perhubungan antara masyarakat yang berbilang kaum itu.

MENJADI AHLI MAJLIS EKSEKUTIF

Kerjaya Tun Tan Cheng Lock tidak hanya sekadar menganggotai pelbagai pertubuhan sukarelawan semata-mata tetapi terus bergerak ke hadapan. Tun Tan Cheng Lock sentiasa mengambil peluang untuk terus menonjolkan diri dalam pentadbiran. Ini penting supaya dapat membantu masyarakat Cina yang masih ketinggalan dari segala aspek. Memang menjadi hasrat beliau untuk terus memastikan masyarakat Cina terus maju di negara ini seiring dengan kemajuan masyarakat Eropah khususnya.

Memandangkan keaktifan itulah, Tun Tan Cheng Lock berjaya dipilih untuk mewakili kaum Cina dalam Majlis Eksekutif. Ini merupakan satu penghormatan yang tertinggi pernah diperolehi oleh kaum Cina terutama apabila kerajaan British memulakan pentadbiran di Tanah Melayu.

Selepas perlantikan itu, Tun Tan Cheng Lock mencadangkan diadakan pembentukan semua perlembagaan. Perubahan yang dibayangkan itu memperlihatkan adanya pengaruh wawasan beliau iaitu kesatuan politik pro-British yang tidak merdeka. Ini disebabkan Tun Tan Cheng Lock melihat kerajaan British hanya melantik pegawai British

dalam pentadbiran sedangkan masyarakat tempatan diabaikan. Ini merupakan satu diskriminasi yang boleh merugikan rakyat negara ini.

Sekiranya pendedahan mengenai pentadbiran dilakukan, adalah mustahil untuk penduduk Tanah Melayu mentadbir negara suatu hari kekal. Inilah rancangan busuk British supaya dapat menjajah negara ini selama-lamanya. Oleh itu Tun Tan Cheng Lock harus bertindak dengan bijak dan berhati-hati supaya niat drastiknya tidak diketahui British.

Tun Tan Cheng Lock berminat dengan perlembagaan yang tidak terkeluar dalam lingkungan politik penjajah. Namun begitu perubahan yang dicadangkan itu hanya akan untuk mencari pelbagai suara atau pendapat mengenai cara menguruskan koloni. Buktinya ialah apabila Tun Tan Cheng Lock menyokong kemasukan ahli berbangsa Asia ke dalam Majlis Eksekutif.

Pada mulanya pihak British tidak bersetuju dengan pendapat Tun Tan Cheng Lock. Namun lama-kelamaan British terpaksa menerima desakan Tun Tan Cheng Lock untuk menambah bilangan wakil berbangsa Asia dalam Majlis Eksekutif.

Bagi Tun Tan Cheng Lock, kemasukan wakil berbangsa Asia adalah perlu untuk pertama kalinya. Ini akan mendedahkan wakil tersebut terhadap pentadbiran negara. Tambahan pula adalah sukar untuk Tun Tan Cheng Lock menampilkan wakil Cina kerana akan mengguris masyarakat Melayu atau menyebabkan British mengetahui niat asalnya untuk menonjolkan masyarakat Cina dalam pentadbiran.

Jika ini berlaku, sudah pasti British tidak akan menyetujui cadangan Tun Tan Cheng Lock itu.

Pada awalnya, Sir Guillerpard menentang perlantikan ahli-ahli tidak rasmi berbangsa Cina kerana ahli tersebut hanya mewakili salah satu daripada suku kaum Cina. Bagaimanapun sikap tersebut mula dikikis setelah Tun Tan Cheng Lock menjadi Ahli Majlis Eksekutif.

Seterusnya bilangan ahli berbangsa Asia bertambah pada tahun 1930, apabila seorang Melayu yang bernama Mohammed Yunus dilantik sebagai ahli tidak rasmi. Ini adalah untuk mengimbangi wakil kaum yang harus mencerminkan komposisi rakyat di Tanah Melayu ketika itu. Jika tidak, rasa ketidakpuashatian masyarakat Melayu akan memuncak. Sekiranya ini berlaku, adalah sukar untuk pihak British mentadbir negara.

Walaupun Tun Tan Cheng Lock bukanlah seorang bangsa Asia yang pertama diserap ke dalam Majlis Eksekutif, tetapi perlantikan beliau amat penting mengubah pemikiran pihak British dalam hal perlantikan ahli daripada bangsa Asia yang lain khususnya wakil daripada masyarakat Melayu.

Tun Tan Cheng Lock tidak berpuashati dengan perlantikan wakil bangsa Melayu sebagai ahli tidak rasmi lalu mengesa diadakan wakil kaum Cina pula. Dalam hal ini beliau memberi tekanan kepada Sir Cecil Clementi dengan cara mengeluarkan petisyen sebagai mewakili pertubuhan Cina British Negeri-negeri Selat pada bulan Ogos 1931.



Bersama dengan masyarakat pelbagai kaum di Melaka

Permintaan Tun Tan Cheng Lock ditolak kerana bagi Sir Cecil Clementi, perlantikan Setiausaha Hal Ehwal Cina sebagai Ahli Rasmi sudah mencukupi untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina. Bahkan perlantikan ahli dari kaum Cina juga akan menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan masyarakat Melayu. Tambahan pula masyarakat Cina bukanlah masyarakat dominan di negara ini. Adalah mustahil untuk kerajaan British memberi kelonggaran kepada mereka untuk turut serta memerintah Tanah Melayu tanpa dipersetujui masyarakat Melayu terlebih dahulu.

Bagaimanapun Tun Tan Cheng Lock tetap berdegil dan menghantar satu memorandum kepada Sir Samuel Wilson pada bulan Disember 1932. Akhirnya pihak British terpaksa mengalah dengan desakan Tun Tan Cheng Lock.

Namun begitu pada Julai 1933, Mohammed Yunus meletak jawatan. Perletakan jawatan itu telah menyebabkan kerajaan melantik seorang ahli tidak rasmi berbangsa Cina. Perlantikan dilakukan atas desakan Tun Tan Cheng Lock.

Bagaimanapun penghormatan tersebut tidak diberi kepada Tun Tan Cheng Lock sebaliknya kepada Wee Swee Teow, seorang ahli Majlis Perundangan. Ini disebabkan Tun Tan Cheng Lock mampu menjejaskan pentadbiran kerajaan British disamping desakan yang boleh menggugat British.

Hanya setelah Wee Swee Teow meletakkan jawatan barulah Tun Tan Cheng Lock berpeluang menjadi ahli Majlis tersebut pada bulan November 1933. Ini disebabkan Wee Swee Teow memberi peluang kepada Tun Tan Cheng Lock memandangkan Tun Tan Cheng Lock seorang yang

berkebolehan dan disegani oleh masyarakat Cina di Tanah Melayu. Dari situlah Tun Tan Cheng Lock terus memainkan peranannya untuk memperjuangkan masyarakat Cina khususnya dalam pentadbiran British di Tanah Melayu.

MENJADI AHLI MAJLIS PERUNDANGAN

Setelah dilantik menjadi ahli majlis perundangan Tun Tan Cheng Lock terus memainkan peranan aktif. Tun Tan Cheng Lock tidak hanya mendesak diadakan pembentukan semula Majlis Eksekutif, malah beliau turut mengesa diadakan pembentukan semula dalam Majlis Perundangan.

Apabila dilantik sebagai ahli tidak rasmi pada tahun 1926, beliau menegaskan bahawa Majlis Perundangan kekurangan mandat secara tidak langsung daripada rakyat yang diwakili beliau. Ini disebabkan segala pendapat yang diberikan tidak diendahkan oleh British terutama di peringkat awal. Selain itu kesemua ahli tidak rasmi majlis berkenaan dicalonkan atau dicalonkan semula atas budi bicara Gabenor dan bukannya atas perbincangan antara ahli.

Oleh itu ahli tidak rasmi itu bertanggungjawab kepada Gabenor, kecuali dua ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Dewan Perniagaan Singapura dan Pulau Pinang sejak tahun 1924 lagi.

Ahli-ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Gabenor itu mungkin terpilih untuk dilantik semula kerana ketaatan

mereka, sedangkan ahli yang banyak mengkritik mungkin tidak akan dipilih semula. Selain tu difahami seperti ada "undang-undang tidak bertulis" yang menentang perkhidmatan ahli tidak rasmi selama beberapa penggal.

Bagi Tun Tan Cheng Lock, undang-undang sedemikian adalah merugikan kerana kehilangan ahli tidak rasmi yang berpengalaman akan berlaku. Seterusnya keadaan itu tidak akan mewujudkan kritikan yang berkesan ke atas kerajaan. Tambahan pula Tun Tan Cheng Lock takut sekiranya beliau disingkirkan dan sekaligus kerajaan British hanya akan mengambil keputusan tanpa mendengar pendapat ahli-ahli yang lain.

Bagi menangani masalah tersebut, Tun Tan Cheng Lock mencadangkan supaya setiap barang dagangan yang terhad diperkenalkan. Setelah cadangan tersebut tidak mendapat sambutan, Tun Tan Cheng Lock mengemukakan semula cadangan barangan dagangan terhad pada tahun 1930-an.

Seterusnya Tun Tan Cheng Lock mengeluarkan petisyen meminta ketiga-tiga cawangan Pertubuhan Cina British Negeri-negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang, Singapura) dibenarkan untuk memilih perwakilan masing-masing. Bagaimanapun, Pejabat Tanah Jajahan menolak petisyen tersebut dengan alasan:



Sebuah rumah tradisional masyarakat Melayu Melaka

a. Tidak Mewakili Suara Majoriti

Pertubuhan Cina British Negeri-negeri Selat hanya mewakili 0.73 peratus daripada 144 857 orang Cina kelahiran Negeri-negeri Selat. Jumlah ini amat kecil dan tidak sesuai jika dilantik seorang wakil hanya untuk mewakili jumlah yang terlalu sedikit. Ini akan menyukarkan pentadbiran semata-mata.

b. Bilangan Perwakilan yang Tidak Seimbang

Adalah tidak adil jika kaum Cina mempunyai enam perwakilan, sedangkan kaum lain seperti Melayu, India dan Eurasian hanya mempunyai satu perwakilan. Ini akan menyebabkan timbul rasa tidakpuashati di kalangan penduduk tempatan khususnya masyarakat Melayu. Sekiranya perwakilan dilantik daripada masyarakat Cina, akan berlaku tentangan dari masyarakat Melayu dan akhirnya pentadbiran negara akan goyah.

Penolakan tersebut tidak mematahkan semangat Tun Tan Cheng Lock, sebaliknya beliau mencadangkan pula penambahan bilangan perwakilan masyarakat Melayu, India dan Eurasian atau Serani supaya wujud majoriti tidak rasmi. Tujuan sebenar Tun Tan Cheng Lock mewujudkan majoriti tidak rasmi ialah untuk mengimbangi kuasa majoriti rasmi, juga untuk menghangatkan lagi perbahasan dan

menghasilkan kritikan membina.

Pada masa itu majoriti rasmi mempunyai pengaruh yang kuat ke atas perjalanan Majlis Perundangan. Ini mewujudkan perasaan lesu yang tidak menggalakkan penentangan. Sekali lagi cadangan Tun Tan Cheng Lock ditolak oleh Gabenor dengan alasan keadaan Negeri-negeri Selat tidak membenarkan pemberian perlembagaan yang liberal.

Sebagai seorang yang tidak mudah berputus asa, pada tahun 1928, Tun Tan Cheng Lock sekali lagi menghentam majoriti rasmi yang membenarkan Pejabat Tanah Jajahan memerintah dengan kuasa mutlak ke atas tanah jajahannya.

Tun Tan Cheng Lock berjuang untuk menamatkan sistem penjajahan British. Bagaimanapun perjuangan tersebut bukanlah untuk kemerdekaan, tetapi untuk membentuk kerajaan sendiri yang sederhana seperti yang diamalkan di India, Sri Lanka dan Burma.

PENYERTAAN ORANG ASIA DALAM PERKHIDMATAN AWAM TANAH MELAYU

Ketika Tun Tan Cheng Lock menyertai majlis-majlis tertentu, sistem pemilihan warna kulit yang diamalkan oleh Perkhidmatan Awam Tanah Melayu telah mencecah usia dua dekad. Sistem ini bermula apabila Gabenor Sir John Anderson tidak menyetujui pembabitan pegawai daripada kaum India dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu.

Oleh itu pihak British terus melakukan pengasingan mengikut warna kulit. Semakin gelap kulit sesuatu bangsa, semakin mereka dipinggirkan oleh orang-orang Inggeris. Kebanyakan orang-orang Inggeris percaya bahawa mereka merupakan bangsa yang bertamadun dan maju dalam pentadbiran segala bidang. Oleh itu mereka memandang rendah terhadap bangsa lain, terutama bangsa Asia.

Bertitik-tolak dari situ Sir John Anderson menganjurkan dasar tutup pintu. Pada pendapat beliau jika Perkhidmatan Awam Tanah Melayu terus terbuka, beliau khuatir kesannya nanti ialah pentadbiran perkhidmatan awam menjadi tidak teratur. Tambahan pula kebanyakan bangsa Asia tidak mengetahui cara-cara pentadbiran sesuatu negara dengan baik dan tersusun.

Adalah lebih penting lagi, Sir John Anderson berpendapat orang-orang Melayu tidak menyukai pentadbiran bukan daripada bangsa Eropah. Itulah sebabnya "Sekatan Warna Kulit" diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu.

Sejak itu hanya kadet rakyat British daripada keturunan Eropah dibenarkan memasuki Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Semua ini adalah propaganda dan anggapan orang-orang Inggeris sahaja yang tidak mahu melihat orang Asia khususnya masyarakat bukan Melayu mentadbir Tanah Melayu. Oleh itu persepsi itu terus diterimapakai orang-orang Inggeris dan diserapkan kepada rakyat Tanah Melayu.

Pada tahun 1910, perkhidmatan Pentadbiran Melayu mungkin dinaikkan pangkat kepada Perkhidmatan Awam



Tidak ramai pemimpin Cina yang disukai kerajaan British

Tanah Melayu. Ini adalah untuk meningkatkan lagi penentangan terhadap wakil Asia dalam pentadbiran Tanah Melayu.

Tun Tan Cheng Lock memprotes pemilihan warna kulit tersebut sebagai tidak adil dan bertentangan dengan prinsip dan semangat pengisytiharan Ratu Victoria pada tahun 1923. Pengisytiharan tersebut berbunyi, "Rakyat daripada berbagai-bagai bangsa dan kepercayaan bebas dan dimasukkan ke pejabat-pejabat kerajaan secara saksama."

Tun Tan Cheng Lock menegaskan adalah salah untuk menutup pintu kepada rakyat British bukan Melayu yang berhasrat untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran. Tindakan tersebut bagi Tun Tan Cheng Lock meletakkan mereka pada status yang paling rendah.

Bagaimanapun, dalam hal ini Setiausaha Tanah Jajahan menjawab sekiranya pentadbir bukan Melayu dipindahkan ke negeri-negeri Melayu, tindakan tersebut adalah satu pencerobohan ke atas kedudukan raja-raja Melayu.

Isu kemasukan bangsa Asia dalam Perkhidmatan Awam Melayu dibangkitkan semula oleh Tun Tan Cheng Lock pada tahun 1929. Selain itu Tun Tan Cheng Lock menyatakan kehilangan perkhidmatan kedua-dua pemegang Biasiswa Ratu (Queen Scholar) iaitu Dr. Wu Lien The dan Dr. Lim Boon Keng adalah merugikan kerana mereka amat berkelayakan. Ini menyebabkan kedua-dua doktor tersebut terpaksa memilih untuk berkhidmat di China.

Akhirnya hujah Tun Tan Cheng Lock mula

menampakkan hasil. Pada masa itu Hugh Clifford yang kekurangan pegawai perubatan dan menggariskan satu skim untuk membuka Perkhidmatan Perubatan Tanah Melayu kepada pegawai perubatan orang Asia yang bukan Melayu.

Sentimen Tun Tan Cheng Lock dikongsi oleh Sir Cecil Clementi yang menyatakan keprihatinan beliau terhadap perubatan Tanah Melayu. Akhirnya Pekhidmatan Perubatan Negeri-negeri Selat iaitu perkhidmatan yang terbuka kepada rakyat British bukan Eropah yang ditubuhkan pada tahun 1932.

Dalam pada itu keadaan kemelesetan ekonomi yang semakin teruk dan peningkatan kadar pengangguran telah mengukuhkan permintaan supaya perubahan diadakan.

Melihat keadaan ini Tun Tan Cheng Lock mengekspolitiskan Sir Cecil Clementi sebijak mungkin. Beliau menyeru penukaran pegawai-pegawai Eropah dengan bangsa Asia yang cemerlang. Tambahan pula kerajaan British tidak mampu untuk membayar gaji pegawai-pegawai British yang tinggi, berbanding pegawai daripada orang-orang tempatan.

Keadaan semakin mendesak. Menyedari hakikat itu, Tun Tan Cheng Lock yang kemudiannya membawa delegasi Pegawai Tidak Rasmi Bangsa Melayu, India dan Eurasian dengan tujuan memberi tekanan kepada Sir Cecil Clementi. Akhirnya Sir Cecil Clementi mengalah kepada tuntutan itu.

Kemudiannya Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat yang dicadangkan lebih awal dahulu digariskan. Bagaimanapun Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat (PANS)

ini merupakan skim terhad yang hanya terbuka kepada rakyat British serta mendapat pendidikan daripada Raffles College atau Universiti British. Perkhidmatan tersebut juga akan terpisah daripada entiti Perkhidmatan Awam Tanah Melayu.

Jadi, setelah perjuangan selama lebih kurang satu dekad dan dengan tertubuhnya Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat, Tun Tan Cheng Lock telah berjaya sekali lagi. Bagaimanapun beliau masih tidak berpuashati, seterusnya beliau mengingatkan pihak British bahawa pemilihan warna kulit yang masih diamalkan dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu akan terus menimbulkan rasa ketidakpuasan.

PENGLIBATAN DALAM BIDANG EKONOMI

Di samping bergiat cergas dalam politik, Tun Tan Cheng Lock juga memberi perhatian terhadap hal-hal kewangan dan ekonomi. Dalam hal ini, beliau menunjukkan minat terhadap penanaman getah serta penglibatan orang Cina dalam penanaman padi. Oleh itu Tun Tan Cheng Lock telah campur tangan dalam hal-hal yang berkaitan ekonomi terutama:

- i. Penanaman getah
- ii. Penanaman padi
- iii. Ekonomi dalam kerajaan



Pusat pengumpulan getah di kawasan ladang

i. Penanaman Getah

Harga getah semakin merosot kerana pengeluaran yang tidak terkawal. Bagi mengawal pengeluaran getah dan meningkatkan harga getah di pasaran dunia, Skim Stevenson diperkenalkan. Tun Tan Cheng Lock menganggap sekatan getah di bawah Skim Stevenson sebagai asas ekonomi Tanah Melayu. Ini memandangkan getah merupakan eksport utama Tanah Melayu selain bijih timah. Tambahan pula permintaan amat tinggi di negara-negara Eropah yang ketika itu sedang mengalami perkembangan pembuatan automatif.

Apabila para saudagar dari Pertubuhan Dewan Perniagaan Cina cuba menghapuskan sekatan tersebut pada tahun 1925, Tun Tan Cheng Lock menentang cadangan tersebut. Ini disebabkan beliau khuatir penarikan balik sekatan tersebut akan menurunkan harga getah dengan lebih teruk lagi.

Ketika itu Tun Tan Cheng Lock telah menjadi ahli majlis. Di dalam majlis tersebut beliau telah menerangkan bahawa sekatan getah itu membantu industri penanaman getah Tanah Melayu sendiri.

Sokongan Tun Tan Cheng Lock terhadap sekatan tersebut adalah wajar berdasarkan perkembangan industri getah ketika itu. Semasa beliau mula menceburi bidang penanaman getah, harga getah ialah RM 1.98 bagi 373 gram. Disebabkan oleh pengeluaran secara berlebihan, harga getah mulai jatuh pada tahun 1913.

Harga getah terus jatuh sehinggalah zaman kemelesetan sekitar tahun 1921 hingga 1922 daripada RM0.80 bagi 373 gram pada tahun 1920 kepada RM0.20 bagi 373 gram pada tahun berikutnya. Harga ini dijangka akan terus merosot memandangkan pengeluaran yang terlalu banyak tanpa disekat. Bagaimanapun sekatan pengeluaran melalui Skim Stevenson menaikkan sedikit harga getah kepada RM 0.40 bagi 373 gram pada tahun 1928.

Bagi pihak British sendiri, mereka lebih mementingkan pengekalan Tanah Melayu sebagai pengeluar getah utama dunia. Atas sebab itu dan beberapa sebab lain, skim sekatan dihentikan. Antara punca-puncanya ialah sekatan yang dikenakan ke atas keluaran getah Tanah Melayu memberi peluang kepada Syarikat Hindia Timur Belanda di Indonesia untuk mengeluarkan lebih banyak getah pada kadar harga yang lebih tinggi.

Hal ini menyebabkan kadar pengeluaran getah dunia Tanah Melayu dan Sri Lanka jatuh daripada 70 peratus keluaran getah dunia pada tahun 1922 kepada 52 peratus pada tahun 1928, sedangkan kadar pengeluaran getah Belanda meningkat kepada 25 peratus kepada 40 peratus keluaran getah dunia. Tambahan pula Skim Stevenson telah melonggarkan hubungan British dengan Amerika Syarikat, iaitu pelanggan utama getah Tanah Melayu. Oleh sebab-sebab di atas Skim Stevenson ditamatkan pada bulan November 1928.

Walau bagaimanapun, pemberhentian sekatan itu dibuat pada masa zaman kemelesatan yang menyebabkan

permintaan yang rendah serta pengeluaran secara berlebihan menurunkan harga. Melihat keadaan ini, Tun Tan Cheng Lock mengesa pengenalan semula sekatan di semua negara pengeluar getah pada bulan Mei 1930.

Bagi Tun Tan Cheng Lock, penawaran berlebihan semasa kemelesetan harus dikawal dengan mengambil beberapa langkah tertentu, sementara amalan pengasingan tanah untuk menanam getah terpaksa dihentikan. Walaupun kawalan penawaran dibuat, tidak bermakna harga getah akan naik. Sebaliknya menurut Tun Tan Cheng Lock, akan melindungi pengeluar daripada pengembangan pelbagai pengguna getah.

Tiga bulan selepas, Tun Tan Cheng Lock mencadangkan pengenalan semula sekatan, dua orang tidak rasmi yang mewakili kepentingan perniagaan menyifatkan sekatan tersebut sebagai campurtangan kerajaan oleh orang yang tidak tahu selok-belok getah. Bagi mereka, pemulihan hanya boleh dibuat atas daya usaha para peladang sendiri dan bukannya mempengaruhi kerajaan.

Tun Tan Cheng Lock membidas kenyataan dua orang Ahli Tidak Rasmi itu. Beliau kemudiannya menegaskan sokongan terhadap indutsri getah dalam menjaga kepentingan beliau adalah perlu memandangkan terdapat 2.75 juta ekar tanah yang ditanam getah di Tanah Melayu, menghasilkan 400 000 tan getah setahun dan mengupah lebih kurang setengah juta orang pekerja.

Secara ringkasnya Tun Tan Cheng Lock mengingatkan dua ahli tersebut bahawa seluruh Tanah Melayu bergantung



Bersama buruh-buruh di ladang miliknya

kepada industri getah dan dengan yang demikian kerajaan harus campur tangan.

Tun Tan Cheng Lock mendapat sokongan padu daripada William Dought iaitu Ahli Tidak Rasmi Majlis Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu sebagai satu usaha mengesa kerajaan untuk mengambil tindakan, perjumpaan-perjumpaan umum diadakan. Perjumpaan yang diadakan termasuklah oleh Dewan perniagaan Melaka pada bulan Disember 1932 dan perjumpaan yang diadakan oleh Pertubuhan Penanam Getah Negeri Sembilan. Pihak akhbar juga menyiarkan pelbagai artikel yang mengesa kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya.

Akhirnya usaha-usaha tersebut menampakkan hasil apabila kerajaan menandatangani Perjanjian Kawalan Getah Antarabangsa dengan Syarikat Hindia Timur Belanda dan tujuh buah negara lain pada bulan Jun 1934. Tun Tan Cheng Lock yang amat berpuashati dengan perjanjian tersebut menyatakan bahawa perjanjian tersebut adalah kemenangan kepada kewarasan akal. Hanya dengan cara ini harga getah dapat distabilkan.

ii. Penanaman Padi

Pendirian Tun Tan Cheng Lock berhubung dengan penanaman padi lebih bersikap menentang kerajaan. Pada tahun 1886, Negeri-negeri Selat mengamalkan polisi yang menggalakkan orang Melayu menanam padi tetapi tidak

kepada bukan Melayu.

Tun Tan Cheng Lock menentang sekatan yang dibuat terhadap bangsa bukan Melayu dalam bidang penanaman padi. Beliau menggesa kerajaan supaya membuka peluang menanam padi kepada orang Cina dan India supaya satu kuasa buruh yang benar-benar berkuasa dapat dibentuk. Seterusnya pada tahun 1927, beliau meminta pengembangan kegiatan menanam padi supaya bekalan beras negara mencukupi.

Permintaan Tun Tan Cheng Lock menarik perhatian kerajaan kerana sejak tahun 1921 hingga 1922, persoalan kecukupan bekalan beras selalu ditimbulkan. Sehubungan itu, Guillemard yang mengambil berat mengenai bekalan makanan untuk tempoh dua bulan dan memerintahkan Jabatan Pertanian supaya mempertimbangkan kemungkinan menggandakan lagi kegiatan menanam padi.

Pada tahun 1927, Jawatankuasa Pertahanan tempatan dan setahun kemudiannya Hugh Clifford mengatakan ketidak-yakinannya mengenai kemungkinan berlaku perang. Bagaimanapun cadangan tersebut tidak diambil peduli berdasarkan kebimbangan akan mengganggu kedudukan orang-orang Melayu.

Dengan kemunculan zaman kemelesetan, aliran kewangan dalam mengimport lebih dariada dua pertiga beras Tanah Melayu membawa kepada pertimbangan semula polisi beras. Polisi yang diingini ialah mempunyai bekalan beras yang mencukupi. Sehubungan itu Sir Cecil Clementi menubuhkan Persatuan Penanam Padi pada bulan Julai 1930


untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan yang berlaku ekoran ketidakcukupan beras negara.

Tun Tan Cheng Lock turut terpilih sebagai salah seorang anggota persatuan tersebut. Beliau berpendapat orang Melayu sahaja tidak dapat mencapai objektif tersebut. Bagi beliau, orang bukan Melayu yang merupakan separuh daripada rakyat Tanah Melayu mempunyai tahap produktiviti yang lebih tinggi. Oleh itu mereka harus dilibatkan dalam usaha penanaman padi.

Bagaimanapun pendapat Tun Tan Cheng Lock seolah-olah terketepi apabila persatuan itu mencadangkan polisi pro-Melayu dalam penanaman padi diteruskan. Beliau tidak berputus asa dan meneruskan perjuangan beliau. Seterusnya beliau bertindak dalam majlis dengan mempertikaikan pemberian tanah untuk menanam padi kepada imigran Melayu dari Jawa dan Sumatera, sedangkan orang Cina tidak diberikan apa-apa.

Dua bulan kemudian dalam satu memorandum kepada Sir Samuel Wilson, Tun Tan Cheng Lock secara terbuka menuduh kerajaan mengamalkan diskriminasi terhadap orang Cina dalam hal tanah dan polisi penanaman padi.

Pihak kerajaan tetap dengan pendirian lalu meluluskan Ordinan Penanaman Padi tahun 1943 yang menguatkan lagi polisi pro-Melayu dalam hal penanaman padi. Ini bermakna Tun Tan Cheng Lock telah gagal untuk mendapatkan tanah bagi orang Cina untuk tujuan penanaman padi di Tanah Melayu.



Padi menjadi asas ekonomi orang-orang Melayu

iii. Ekonomi dalam Kerajaan

Di sebalik pelbagai usaha dalam berbaga-bagai bidang, Tun Tan Cheng Lock tidak menganjurkan polisi moden dalam kewangan defisit. Dalam hal kewangan, beliau lebih suka mengambil sikap berjimat cermat. Sementara bekerja dalam perkara-perkara yang melibatkan awam, beliau menekankan soal ekonomi dalam kerajaan.

Prinsip Tun Tan Cheng Lock ini terbukti apabila beliau dengan berani mengkritik perbelanjaan yang berlebihan dalam pembayaran gaji kepada para pekerja awam Eropah yang kurang berkualiti. Bahkan satu pembaziran dilakukan kebanyakan kerana pegawai Eropah yang lebih mementingkan kemewahan daripada memberi khidmat kepada rakyat Tanah Melayu.

Sejak awal tahun 1928 lagi iaitu sebelum zaman kemelesetan, Tun Tan Cheng Lock telah mengingatkan kerajaan supaya tidak menaikkan kadar perbelanjaan daripada RM 8.7 juta pada tahun 1920 kepada RM 16.1 juta pada tahun 1929, iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus. Beliau menggesa kerajaan mengurangkan kakitangan pekerja Eropah untuk mengurangkan perbelanjaan. Tindakan pemotongan dicadangkan diambikira ke atas pendapatan peribadi.

Kadar produktiviti yang lebih besar turut dicadangkan pada tahun 1929. Pada tahun 1930 dan 1932 pula, dengan memikirkan wujudnya kemelesetan dan pengangguran, Tun

Tan Cheng Lock mencadangkan pengurangan kos kakitangan dengan menggantikan pegawai Eropah yang bersara dalam perkhidmatan Awam Tanah Melayu dengan orang-orang Asia.

Pihak kerajaan tidak memberikan perhatian kepada cadangan Tun Tan Cheng Lock. Memandangkan Guillemard menaikkan gaji, pencen dan elaun sementara dalam tahun 1920-an, pihak kerajaan lebih mementingkan kehidupan yang mewah, iaitu sebagaimana layaknya kehidupan sebagai anggota kerajaan.

Kemelesetan yang dialami mula memperlihatkan kebenaran pendapat Tun Tan Cheng Lock. Seterusnya dalam tahun 1931, Setiausaha Tanah Jajahan mencadangkan pengurangan elaun sementara. Setengah tahun kemudiannya, Sir Cecil Clementi secara mendadak menghapuskan elaun sementara untuk menjimatkan RM 1.0 juta.

PENGLIBATAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Sehingga tahun 1920-an, masyarakat Tanah Melayu terdiri daripada pelbagai kaum yang bercampur-campur tanpa bersatu dan setiap mereka hidup secara berasingan. Bentuk umum harmoni antara kaum berubah pada awal 1930-an. Kemelesetan ekonomi, kebangkitan nasionalisme Melayu dan polisi-polisi British yang pro-Melayu meluaskan lagi jurang antara orang Melayu dan Cina.

Dalam keadaan inilah Tun Tan Cheng Lock bangun sebagai pemimpin masyarakat Cina yang berani memperjuangkan soal pendidikan, bahasa dan imigrasi. Selain itu beliau juga aktif memperjuangkan pembentukan perkahwinan tunggal, serta menyokong kegiatan menentang penagihan dadah. Antara agenda yang disuarakan oleh Tun Tan Cheng Lock ialah:

- i. Pendidikan dan bahasa Inggeris
- ii. Pendidikan vernakular Cina
- iii. Pendidikan secara menyeluruh

i. Pendidikan dan Bahasa Inggeris

Pihak British mengubah sikap tidak campurtangan terhadap pendidikan Cina kepada campurtangan setelah melihatkan usaha parti Kuomintang mengawal pendidikan orang-orang Cina di Negeri-negeri Selat sejak tahun 1912. Pengawalan tersebut dikhuatiri akan membawa kepada mempolitikkan sekolah-sekolah Cina, buktinya ialah seperti yang ditonjolkan di sekolah-sekolah Cina dalam pemberontakan menentang Jepun pada tahun 1919.

Melihatkan keadaan itu, kerajaan British meluluskan Enakmen Pendaftaran Sekolah Tahun 1920 dan menubuhkan sistem bantuan bagi tujuan mengawal sekolah-sekolah Cina. Pihak British juga memerhatikan sistem pendidikan dalam pendidikan Melayu rendah yang bebas, menyokong pendidikan Inggeris dan pendidikan Cina persendirian.



Sekolah aliran Inggeris tidak mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu

Sistem yang berbeza ini disamping tidak mahal, juga mencapai objektif eksploitasi ekonomi Tanah Melayu dengan usaha meminima dan mengaplikasikan sistem pecah perintah.

Melihatkan keadaan ini, pada tahun 1923, Tun Tan Cheng Lock berpendapat tidak banyak yang dilakukan terhadap pendidikan Inggeris. Beliau menyeru diperkenalkan pendidikan Inggeris yang universal dan wajib kepada semua kanak-kanak secara percuma supaya asas kepada kesedaran Tanah Melayu dan bangsa dapat dibina.

Pendidikan Inggeris juga akan mewujudkan masyarakat yang setia kepada Empayar British serta menyediakan Negeri-negeri Selat untuk membentuk kerajaan bercorak perwakilan. Beliau juga melihat pendidikan Inggeris sebagai jalan untuk membina bangsa dalam negara majmuk dan mencapai perkembangan politik kepada Tanah Jajahan.

Tun Tan Cheng Lock sependapat dengan ibu bapa peranakan Cina yang lain tentang pendidikan Inggeris, iaitu sebagai suatu cara untuk lari daripada kemiskinan dan untuk mendapatkan pekerjaan yang tinggi. Orang-orang Melayu juga mahukan pendidikan Inggeris untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Oleh itu, Tun Tan Cheng Lock membuat kesimpulan bahawa memandangkan terdapat permintaan terhadap pendidikan Inggeris, pendidikan tersebut patut diberikan secara percuma.

Malangnya pihak British tidak sependapat dengan Tun

Tan Cheng Lock. Bagi mereka pendidikan Inggeris secara percuma akan menjadi beban kewangan kepada mereka. Pihak British juga tidak bersedia untuk memberi rakyat tanah jajahannya ke tahap pendidikan yang sama dengan di United Kingdom.

Dengan pemikiran sedemikian, pada awal tahun 1930-an, British menamatkan puluhan pendidikan Inggeris kepada pendidikan Melayu dengan menjelaskan dengan panjang lebar dalam Majlis bahawa bahasa Inggeris tidak sesuai digunakan sebagai bahasa asas di Tanah Melayu.

Sir Cecil Clementi juga memberi amaran bahawa penyebaran pengetahuan yang tidak mendalam mengenai bahasa Inggeris boleh mendatangkan bahaya. Bagi menghalang perkara tersebut daripada berlaku, beliau mengisytiharkan bahasa Melayu akan menjadi bahasa asas dan pendidikan percuma terus diberi kepada penduduk Negeri-negeri Selat.

Setiausaha Tanah Jajahan menyokong Sir Cecil Clementi dan menambah bahawa sebagai "Lingua Franca," bahasa Melayu lebih mudah dan lebih murah untuk dipelajari berbanding bahasa Inggeris. Bahasa Melayu juga tidak seperti bahasa Inggeris tidak mempunyai nilai pasaran intrinsik, memustahilkan wujudnya ketidakpuasan hati. Berdasarkan sebab-sebab inilah British menaikkan yuran sekolah-sekolah Inggeris sebagai jalan untuk menghentikan kemasukan dan mengukuhkan polisi pendidikan Melayu rendah yang percuma.

Tun Tan Cheng Lock menentang perubahan polisi

pendidikan dan bahasa ini. Satu memorandum dihantar kepada Sir Samel Wilson yang mengkritik tindakan tersebut sebagai tidak wajar. Dengan mendapat sokongan Ahli Tidak rasmi Cina yang lain, beliau menyatakan bahasa Melayu tidak begitu praktikal, tidak mempunyai nilai seni atau sastera yang tinggi, tidak sesuai untuk kegunaan moden serta mudah dipelajari tanpa pergi ke sekolah.

Tun Tan Cheng Lock juga memberi amaran kepada British supaya tidak cuba memelayukan atau mengasimilasikan orang Cina ke dalam budaya Melayu. Ini disebabkan tindakan tersebut akan ditentang oleh orang bukan Melayu dan akan menimbulkan ketidakstabilan dalam negara. Mungkin juga atas sebab-sebab tersebut orang Cina akan menolak pendidikan Cina.

Tun Tan Cheng Lock kemudiannya menegaskan bahawa pendidikan Inggeris sebagai sistem utama di Tanah Melayu adalah bersesuaian sebagai bahasa penghubung pelbagai kaum dalam populasi Tanah Melayu. Pendidikan Inggeris juga merupakan bahasa yang paling luas digunakan di seluruh dunia.

Menurut beliau lagi, daripada pelbagai sudut pandangan, politik, ekonomi, pendidikan atau kebudayaan, bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu yang sepatutnya menjadi bahasa di mana semua rakyat Tanah Melayu menerima pendidikan percuma. Bahasa yang bertepatan bagi Tun Tan Cheng Lock adalah bahasa Inggeris kerana bahasa itu merupakan bahasa asas yang boleh menyampaikan kepada populasi yang berbagai-bagai dan merupakan suatu



Tidak ramai rakyat Malaysia fasih berbahasa Inggeris

pandangan yang mengarah kepada perpaduan nasional.

ii. Pendidikan Vernakular Cina

Tun Tan Cheng Lock tidak hanya memperjuangkan pendidikan Inggeris, sebaliknya turut memperjuangkan pendidikan Cina. Sekiranya perjuangan terhadap pendidikan Inggeris mendapat sokongan Cina, kelahiran Negeri-negeri Selat, perjuangan dalam pendidikan Cina pula mendapat bantuan masyarakat Cina dari luar negara.

Perjuangan Tun Tan Cheng Lock didorong oleh kesedaran beliau bahawa kebanyakan kanak-kanak Cina di sekolah Inggeris kurang fasih dalam bahasa Mandarin, sedangkan seseorang itu tidak sepatutnya dihalang daripada mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda mereka. Oleh itu beliau mencadangkan bahasa Mandarin diajar dalam kurikulum sekolah.

Dalam pada itu Kerajaan Negeri-negeri Selat berubah fikiran mengenai pendidikan vernakular. Kawalan yang dikenakan pada awal tahun 1920-an, terbukti gagal menghalang kegiatan mempolitikkan pendidikan Cina. Skim bantuan itu gagal kerana sekolah-sekolah Cina menolak bantuan kerajaan. Pada masa yang sama sepanjang tahun 1920-an, Kuomintang mencari jalan untuk mempengaruhi pendidikan di Negeri-negeri Selat supaya menyokong mereka.

Pendidikan Cina dengan unsur subvertif yang menentang penjajahan ini semakin membimbangkan British. Tindakan pertama diambil oleh Sir Cecil Clementi apabila keadaan berdesak ialah mengharamkan pengaruh Kuomintang pada tahun 1930. Dalam bidang pendidikan, beliau berbelah bahagi antara meningkatkan bantuan bagi mengambil alih kawalan atau pembatasan pendidikan vernakular Cina.

Pada tahun 1932, beliau lebih memihak kepada pilihan kedua iaitu membataskan pendidikan Cina. Beberapa tahun kemudian, iaitu semasa kemelesetan ekonomi, permintaan bantuan dari sekolah-sekolah Cina meningkat tetapi Sir Cecil Clementi berpendapat bantuan tidak akan diberikan kepada sekolah Cina dan Tamil.

Polisi sedemikian mendapat tentangan hebat daripada Tun Tan Cheng Lock. melalui satu memorandum kepada Sir Samuel Wilson, beliau menyatakan kerajaan sepatutnya terus memberi subsidi kepada sekolah-sekolah vernakular Cina kerana sekolah-sekolah itu bertanggungjawab memberi pendidikan kepada kanak-kanak Cina tempatan.

Tambahan pula, bagi beliau, polisi itu akan menambahkan kadar buta huruf di kalangan bukan Melayu. Ini adalah tidak adil kerana orang Melayu luar seperti Jawa dan Boyan menikmati pendidikan vernakular percuma dalam bahasa ibunda mereka, manakala orang bukan Melayu tidak mendapat hak sedemikian.

Tun Tan Cheng Lock berpendapat, kerajaan belum melakukan sedaya upaya dalam pendidikan Cina yang hampir keseluruhannya menanggung perbelanjaan sendiri.

Jika diberi subsidi, kerajaan akan menyelia pendidikan Cina dengan lebih baik dan memastikan pemupukan rakyat juga baik.

Pendapat Tun Tan Cheng Lock tidak diendahkan oleh Sir Cecil Clementi. Sebaliknya dalam menggulung hujahnya, Sir Cecil Clementi sekali lagi menegaskan kependidikan pendidikan Melayu dalam ketidakpentingan pendidikan Inggeris, Sir Cecil Clementi tidak memberi sebarang ulasan mengenai pembentangan Tun Tan Cheng Lock ke atas pendidikan vernakular Cina.

iii. Pendidikan Secara Menyeluruh

Selain mempunyai pendapat yang kukuh mengenai isu pendidikan Inggeris dan pendidikan vernakular Cina, Tun Tan Cheng Lock turut memperjuangkan peluang pendidikan yang tidak tinggi kepada masyarakat yang kurang bernasib baik. Ini disebabkan masih ramai di kalangan masyarakat Cina dan Melayu yang tidak mendapat pendidikan sewajarnya. Ini disebabkan kemiskinan, diskriminasi dan sebagainya. Oleh itu mereka hanya mampu menjawat jawatan yang rendah. Bahkan ada yang terpaksa bekerja di ladang, lombong atau sebagainya, walaupun merupakan seorang pelajar yang cerdas semasa di sekolah.

DEA TUN TAN CHENG LOCK DALAM PENDIDIKAN

Tun Tan Cheng Lock amat menitikberatkan pendidikan. Oleh itu beliau sentiasa menyarankan kerajaan British untuk mengubah sistem pendidikan supaya lebih telus. Antara dea-idea tersebut ialah:

- i. Tubuhkan sekolah-sekolah perdagangan dan pertanian
- ii. Tubuhkan kelas-kelas malam
- iii. Pemulihan standard sekolah-sekolah persendirian
- iv. Melanjutkan usia pelajar dalam pendidikan
- v. Memberi pendidikan kepada cacat penglihatan

i. Tubuhkan Sekolah-sekolah Perdagangan dan Pertanian

Kebanyakan para pelajar tidak mendapat bantuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini disebabkan hanya United Kingdom sahaja tempat untuk para pelajar melanjutkan pelajaran. Diskriminasi yang dilakukan Inggeris terhadap masyarakat Tanah Melayu telah menyekat peluang masyarakat Melayu dan Cina untuk melanjutkan pelajaran.

Memandangkan peluang yang terhad, ramai pelajar yang berpotensi gagal untuk memberi sumbangan kepada negara. Kebanyakan pelajar-pelajar yang cerdas di sekolah hanya

diberikan jawatan yang kecil dalam pentabiran. Oleh itu banyak kepakaran mereka tidak digunakan dengan optimum.

Oleh itu Tun Tan Cheng Lock mengalakkan supaya pihak British menubuhkan sekolah yang beraliran perdagangan dan pertanian. Penubuhan sekolah ini penting untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan petani moden.

Penubuhan sekolah perdagangan akan mampu melahirkan ramai usahawan yang diyakini mampu menjana ekonomi negara pada suatu hari nanti. Penubuhan sekolah pertanian pula dapat memastikan hasil pertanian dipertingkatkan sejajar dengan Tanah Melayu sebagai sebuah negara pertanian.

Namun idea Tun Tan Cheng Lock ini tidak diendahkan oleh British. Namun demikian ulusan Tun Tan Cheng Lock menjadi asas untuk Tanah Melayu mengubah dan memperkenalkan subjek perdagangan dan pertanian pada masa kini.

ii. Tubuhkan Kelas-kelas Malam

Ketika pemerintahan British di Tanah Melayu, sekolah yang ditubuhkan adalah untuk melahirkan masyarakat golongan rendah dan sederhana sahaja. Pihak British hanya memastikan terdapat segelintir penduduk Tanah Melayu yang boleh membaca untuk membantu mentabdir kerajaan British. Amat jarang sekali pendidikan secara khusus ditekankan.



Masih ramai masyarakat luar bandar yang buta huruf

Tambahan pula pihak Inggeris tidak menggalakkan masyarakat Melayu belajar di sekolah yang disediakan. Ini ditambah pula sikap masyarakat Melayu bimbang akan penyerapan unsur agama Kristian di sekolah tersebut.

Bertitik-tolak dari situlah ramai rakyat Tanah Melayu yang buta huruf. Mereka tidak mengenal huruf, apatah lagi untuk membaca. Bahkan terdapat ramai rakyat Tanah Melayu yang tidak tahu mengira. Ini akan memudahkan kerajaan British memperlecehkan masyarakat Tanah Melayu ketika itu.

Namun begitu Tun Tan Cheng Lock mempunyai matlamat tersendiri. Tun Tan Cheng Lock menggesa kerajaan British mewujudkan kelas-kelas malam. Tujuan penubuhan kelas malam adalah untuk mengajar golongan dewasa yang buta huruf pada waktu malam. Ini bermakna, walaupun mereka bekerja waktu pagi, tetapi masih mempunyai peluang untuk terus belajar pada waktu malam. Mereka akan diajar menulis, membaca dan mengira. Ini penting untuk masyarakat Tanah Melayu memahami perjalanan pentadbiran kerajaan.

Walaupun pada peringkat awal kerajaan Inggeris tidak menyetujui, namun Tun Tan Cheng Lock terus mendesak. Oleh itu wujud beberapa kelas dewasa di seluruh negara. Namun begitu pada peringkat awal tidak mendapat sambutan. Namun usaha gigih yang dilakukan Tun Tan Cheng Lock telah menyebabkan ramai golongan dewasa yang turut serta. Cara ini mampu mengurangkan peratusan buta huruf di kalangan penduduk Tanah Melayu.

iii. Pemulihan Standard Sekolah-sekolah Persendirian

Kebanyakan sekolah yang terdapat di Tanah Melayu tidak mempunyai standard tertentu. Sekolah-sekolah yang dibina kerajaan British mempunyai pendidikan yang kurang berkualiti. Ini disebabkan ketidaksungguhan British untuk meningkatkan mutu pendidikan.

Kebanyakan pelajaran yang diajar hanya sebagai asas untuk mengenal huruf. Amat jarang sekali pendidikan yang berkaitan dengan ilmu alam, pertanian, pentadbiran dan sebagainya. Oleh itu para pelajar hanya mampu menjawat jawatan yang rendah dalam kerajaan kerana ketiadaan kemahiran.

Bagi sekolah-sekolah persendirian yang ditubuhkan mubaligh Kristian pula hanya menjurus kepada pendidikan berkaitan dengan pentadbiran, ekonomi dan politik. Hanya anak-anak pegawai Inggeris sahaja yang boleh belajar dan mampu melanjutkan pelajaran ke United Kingdom.

Bagi sekolah-sekolah Cina yang ditubuhkan melalui persatuan lebih menjurus kepada pendidikan China. Pelbagai jenis buku dihantar ke sekolah-sekolah Cina dan diajar secara terus tanpa ada tapisan. Kebanyakan buku yang diterima adalah berkaitan dengan fahaman politik.

Sekiranya pengaruh komunis begitu kuat di China, bermakna fahaman pendidikan juga ke arah komunis dan sebaliknya. Selain itu tidak ada langsung penyerapan nilai-nilai kecintaan terhadap Tanah Melayu, walaupun telah

menjadi rakyat Tanah Melayu sejak sekian lama.

Begitu juga dengan sekolah yang ditubuhkan oleh pendidik dari India. Kebanyakan sekolah diajar mengenai negara India. Langsung tidak terdapat unsur integrasi antara kaum di Tanah Melayu. Kebanyakan pelajar yang cemerlang akan dihantar ke India dan seterusnya berkhidmat di negara tersebut.

Menyedari hakikat ini, Tun Tan Cheng Lock melihat senario pendidikan Tanah Melayu tidak begitu baik. Seharusnya satu sistem pendidikan yang standard perlu ditubuhkan. Antaranya ialah bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang daif tetapi cemerlang, menyamarkan sistem pendidikan, walaupun berlainan aliran, menyemaikan semangat cintakan Tanah Melayu sebagai tanah tumpah dan sebagainya. Hanya dengan cara ini sahaja dapat mengekang masalah salah faham atau pra sangka antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Idea Tun Tan Cheng Lock mendapat pertimbangan pihak British. Pihak British juga percaya hanya dengan mewujudkan sistem pendidikan yang standard sahaja dapat mengekang pengaruh komunis dalam sekolah Cina, demokrasi dalam sekolah India dan sebagainya.

iv. Melanjutkan Usia Pelajar dalam Pendidikan

Kebanyakan para pelajar tidak mendapat didikan yang

sewajarnya. Bagi para pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik tidak mempunyai peluang yang menggalakkan. Oleh itu mereka hanya berhenti belajar di sekolah asas yang disediakan kerajaan British.

Memandangkan sekolah dasar yang disediakan kerajaan hanya beberapa tahun sahaja, menyebabkan ramai pelajar yang menganggur. Usia yang muda menghalang mereka bekerja, sedangkan alam pendidikan yang diideakan British tidak menggalakkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Namun yang lebih serius lagi, terdapat masyarakat Tanah Melayu yang tidak mendapat didikan sewajarnya. Ini disebabkan usia yang telah meningkat dan pada usia tersebut tidak melayakkan mereka untuk belajar. Sememangnya sistem mengikut usia ketika memasuki alam persekolahan tidak praktikal dilakukan Tanah Melayu pada masa itu.

Menyedari hakikat itu Tun Tan Cheng Lock mengusulkan kepada kerajaan British supaya melonggarkan kemasukan golongan remaja ke sekolah dasar untuk mendapat didikan. Cara ini akan menambahkan lagi bilangan remaja yang mengenal huruf. Tambahan pula pada usia yang masih muda, adalah sukar untuk golongan tersebut melakukan sebarang pekerjaan. Oleh itu pendidikan adalah jalan terbaik untuk golongan remaja melengkapkan diri sebelum memasuki alam pekerjaan.

v. Memberi Pendidikan Kepada Cacat Penglihatan

Selain itu kebanyakan penduduk yang mengalami kecacatan seperti buta wajar diberikan pendidikan yang sama seperti orang yang normal. Tun Tan Cheng Lock percaya bilangan mereka yang cacat sedemikian akan bertambah sejajar dengan pertambahan penduduk. Oleh itu Tun Tan Cheng Lock tidak mahu melihat golongan tersebut teraniaya.

Kebanyakan golongan cacat penglihatan mempunyai kebijaksanaan seperti manusia yang normal. Oleh itu, sekiranya pendidikan diberikan adalah tidak mustahil golongan tersebut juga mampu memberi keuntungan kepada negara.

Sebagai jalan paling mudah dan menjimatkan, Tun Tan Cheng Lock menyarankan kepada pihak British supaya mengadakan kelas didikan untuk golongan cacat penglihatan. Kelas-kelas tersebut harus memasukkan pelbagai mata pelajaran seperti masyarakat normal. Penggunaan *Braille* perlu diperluaskan supaya golongan tersebut dapat membaca.

Selain itu sekolah yang bakal diwujudkan kelak harus memasukkan pelbagai kemahiran seperti membuat bakul, beg tangan dan sebagainya. Kemahiran ini penting supaya dapat memberi keuntungan kepada mereka apabila telah memasuki alam pekerjaan.



Golongan cacat penglihatan turut diberi pendidikan sewajarnya


vi. Menyediakan Kemudahan Biasiswa

Kebanyakan pelajar yang pintar tidak berupaya untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini disebabkan kebanyakan pelajar berasal daripada keluarga yang miskin. Oleh itu keluarga mereka tidak mampu menyara pelajaran mereka hingga ke peringkat yang tertinggi.

Lazimnya pelajar yang pintar diberi peluang melanjutkan pelajaran ke London. Namun pembiayaannya amat tinggi. Hanya golongan aristokrat dan berada saja yang mampu menghantar nak ke luar negara.

Hasilnya, ramai pelajar yang pintar terpaksa berhenti separuh jalan. Bagi menangani masalah ini, Tun Tan Cheng Lock menyarankan supaya pihak British memberi kemudahan biasiswa kepada pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran. Hanya dengan ini sahaja mutu pendidikan, perkhidmatan dan masalah sosio-ekonomi penduduk Tanah Melayu dapat di pertingkatkan.

Antara biasiswa yang paling berprestij ketika itu ialah Biasiswa Ratu atau *Queens Scholarship*. Namun begitu tidak ramai pelajar di kalangan penduduk tempatan, mendapat biasiswa tersebut kerana diskriminasi British terhadap penduduk Tanah Melayu.



Pelajar yang cemerlang wajar diberikan bantuan

KEMASUKAN IMIGRAN CINA KE TANAH MELAYU

Seperti juga saudagar Cina dan Eropah, Tun Tan Cheng Lock menyetujui kemasukan buruh Cina. Dengan pendirian sedemikian, beliau menyetujui dasar tidak menghalang kemasukan imigrasi kaum Cina pada tahun 1920-an.

Hasilnya, bilangan imigrasi Cina yang terdapat di Tanah Melayu pada tahun 1925 ialah 214 000. Tujuan utama Guillemard pada masa itu ialah kemasukan kerahan buruh Cina diperlukan untuk sektor perlombongan dan wanita Cina untuk mengimbangi kadar perbezaan jantina. Antara faktor yang menggalakkan kemasukan buruh-buruh dari negara China ialah :

- i. Murah dan produktif
- ii. Tidak perlukan pengurusan
- iii. Meningkatkan hasil perlombongan

i. Murah dan Produktif

Kebanyakan buruh memerlukan upah yang tinggi untuk melakukan sebarang pekerjaan. Buruh-buruh yang terdiri dari kalangan masyarakat Melayu amat jarang untuk bekerja dengan British, melainkan jawatan-jawatan tertentu sahaja. Bagi buruh India pula, kebanyakan lebih tertumpu kerja-kerja ladang.



Sebuah lombong bijih timah Taiping pada kurun ke-19

Selain itu buruh di Tanah Melayu ketika itu amat sedikit. Kebanyakan buruh terdiri daripada kaum pendatang yang lebih senang bekerja di bawah arahan orang-orang Inggeris.

Bagi memastikan tenaga buruh berkekalan dan murah, kerajaan British menggalakkan kemasukan lebih ramai buruh-buruh dari China. Kebanyakan buruh-buruh Cina lebih murah dan produktif. Ini disebabkan di negara China, mereka mengalami zaman yang sukar walaupun kuat bekerja.

Selain itu saudagar-saudagar Cina seperti Tun Tan Cheng Lock amat menggalakkan kedatangan buruh-buruh tersebut kerana mampu menjana ekonomi negara. Hanya dengan kos yang kecil, tetapi hasil sudah pasti lumayan disebabkan kadar upah yang amat sedikit.

ii. Tidak Perlukan Pengurusan

Kebanyakan buruh-buruh Cina yang datang ke Tanah Melayu mempunyai ketahanan fizikal dan mental. Mereka telah biasa melakukan kerja-kerja yang berat walaupun mendapat gaji yang kecil. Oleh itu mereka tidak kisah terhadap gaji yang ditawarkan.

Selain itu mereka juga tidak memerlukan pengurusan dari segi rawatan. Ini disebabkan mereka sering membawa bekalan perubatan tersendiri untuk mengubat penyakit yang bakal menimpa. Bahkan terdapat buruh-buruh Cina yang



Sekolah hanya didirikan di kawasan yang berpenduduk padat

mengetahui kaedah perubatan tradisional.

Selain itu buruh-buruh tersebut tidak memerlukan sekolah. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu hanya untuk mencari rezeki semata-mata. Mereka tidak berfikir untuk terus tinggal di Tanah Melayu selama-lamanya. Oleh itu kerajaan British tidak perlu membina sekolah untuk mereka atau anak-anak mereka.


Begitu juga dengan rumah kediaman. Kebanyakan buruh-buruh kasar yang terdahulu bersedia membantu buruh-buruh baru untuk membina rumah. Bahkan ada buruh-buruh yang tinggal dalam rumah kongsi dalam jumlah yang ramai.

iii. Meningkatkan Hasil Perlombongan

Kebanyakan buruh-buruh Cina yang datang ke Tanah Melayu mempunyai kecekapan untuk melombong. Oleh itu mereka mengetahui skil perlombongan untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak.

Pihak Inggeris tidak perlu mengajar mereka kaedah melombong kerana pengetahuan mereka lebih mendalam lagi. Ini sudah pasti memberi keuntungan kepada pihak British. Oleh itulah kerajaan British menggalakkan kedatangan buruh-buruh Cina disebabkan pengetahuan mereka dalam melombong bijih timah diperlukan.

Tambahan pula Tanah Melayu ketika itu kaya dengan bijih timah. Orang-orang Cina amat pakar dalam kerja



Dari tahun	Ke tahun	Bilangan
1881	1900	2 juta
1900	1940	12 juta

migrasi orang-orang China ke Tanah Melayu

melombong sehinggakan kemasukan mereka amat dialukan oleh semua pihak.

PERUBAHAN DASAR IMIGRAN OLEH KERAJAAN BRITISH

Bagaimanapun dasar kemasukan buruh-buruh Cina hanya berjalan sekitar awal tahun 1920-an sahaja. Menjelang tahun 1927, tanda-tanda berlakunya perubahan dalam dasar kerajaan mula kelihatan. Sehubungan itu keresahan disuarakan mengenai perubahan sikap para buruh daripada jujur menjadi penjenayah dan menyertai gerakan komunis.

- i. Bantahan raja-raja Melayu
- ii. Kemelesetan ekonomi
- iii. Masalah sosial
- iv. Pengaruh komunis

i. Bantahan Raja-raja Melayu

Suatu ketika dahulu, Tanah Melayu hanya didiami oleh orang-orang Melayu dan Bumiputera lain. Hanya setelah kedatangan British, barulah penduduk Tanah Melayu berubah apabila banyak buruh-buruh Cina dan India dibawa masuk. Keadaan ini bertambah serius apabila kerajaan British menggalakkan kemasukan imigiran-imigran tersebut untuk menjana ekonomi negara.



Kebudayaan masyarakat Melayu tetap terpelihara

Keadaan ini tidak dipersetujui kebanyakan raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu dan golongan aristokrat berasa gelisah dengan kemasukan orang Cina ini yang tidak terkawal akan menambahkan bilangan mereka. Ini sudah pasti akan mengubah senario sosio-ekonomi negara kelak. Oleh itu raja-raja Melayu mahu kemasukan mereka dikawal.

Berikutan daripada itu pada tahun 1928, ditubuhkan Ordinan Sekatan Imigrasi yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk membuang dan menghapuskan unsur-unsur yang tidak diinginkan dan meluluskan penggunaan kuota kepada imigrasi. Tindakan mengenakan sekatan terhadap imigrasi ini ternyata bertepatan kerana pada tahun 1930. Oleh itu bilangan mereka kian berkurangan, terutama apabila ramai di kalangan buruh-buruh Cina yang pulang ke negara asal.

ii. Kemelesetan Ekonomi

Pada tahun 1930-an, dunia mengalami kemelesetan yang teruk. Banyak hasil keluaran Tanah Melayu yang ketika itu berorientasikan pertanian (getah) dan perlombongan (bijih timah) tidak mendapat harga yang baik di pasaran. Oleh itu banyak kawasan ladang dan lombong yang terbiar. Ini disebabkan kos penyelenggaraan yang lebih tinggi berbanding harga produk itu di pasaran.

Bagi mengurangkan kerugian, kerajaan British telah mengurangkan operasi sehingga banyak pekerja yang



Kemelesetan harga getah menyebabkan banyak ladang terbiar

diberhentikan. Keadaan ini bertambah teruk apabila ramai buruh-buruh kasar yang menganggur. Mereka tidak mempunyai kerja dan kekurangan wang untuk membeli makanan.

Oleh itu ramai buruh yang pulang ke China. Bagi buruh-buruh yang baru pula terpaksa pulang dengan hampa. Bagi saudagar-saudagar Cina pula tidak mampu membantu buruh-buruh ini disebabkan jumlah yang ramai. Kemelesetan ini sedikit sebanyak telah mengurangkan jumlah kemasukan mereka ke Tanah Melayu.

iii. Masalah Sosial

Kebanyakan pelombong-pelombong Cina di negeri-negeri Melayu dan Singapura yang menganggur pula mendatangkan banyak masalah sosial. Ini disebabkan mereka terpaksa menjalani hidup walaupun dalam keadaan perit. Ini disebabkan kebanyakan mereka terdiri daripada keluarga yang susah di China. Oleh itu mereka lebih senang hidup di Tanah Melayu daripada menanggung hutang atau malu terhadap keluarga sendiri.

Bagi menyara kehidupan, kebanyakan para pelombong akan melakukan jenayah. Ada di kalangan mereka yang merompak rumah-rumah pegawai Inggeris, taukeh-taukeh Cina dan sebagainya. Ada juga di kalangan mereka yang menipu atau bermain judi. Seringkali berlaku pergaduhan sehingga membawa kematian. Tambahan pula wujudnya



Tun Tan Cheng Lock memastikan masyarakat Cina bebas dari komunisme

pelbagai kumpulan samseng atau kongsi gelap yang memburukkan lagi keadaan. Ini menyebabkan kerajaan British mengambil tindakan wajar untuk mengekang kemasukan imigran Cina supaya kegiatan jenayah tidak berleluasa.

iv. Pengaruh Komunis

Selain itu masyarakat Cina juga amat mudah pengaruh dengan komunis. Fahaman komunis yang dibawa dari negara China sentiasa tersemat dalam jiwa mereka. Apabila tiba di Tanah Melayu, mereka akan menyerapkan fahaman tersebut kepada Cina tempatan dan masyarakat lain.

Pada masa itu pengaruh komunis amat ditakuti oleh kerajaan British. Pengaruh tersebut boleh menghancurkan Tanah Melayu dan kerajaan British sekiranya tidak dikekang.

Lazimnya pengaruh komunis menular secara sembunyi. Kegiatan atau sebaran dilakukan secara "bawah tanah" dengan menggunakan bahasa Cina. Ini sudah pasti menyukarkan British untuk mengesan kegiatan tersebut di peringkat awal.

Hanya setelah berlaku kemelesatan dan kewujudan kongso-kongsi gelap, barulah kerajaan British mengetahui aktiviti mereka. Oleh itu kerajaan British terpaksa masuk campur untuk mengekang masalah tersebut.



Pengaruh Komunis juga terdapat di kalangan peniaga

PENENTANGAN TERHADAP SEKATAN IMIGRAN


Keadaan Tanah Melayu yang tidak stabil ekoran kemasukan imigran-imigran Cina, mendorong Sir Cecil Clementi yang mengamalkan dasar pro-Melayu untuk menghentikan kemasukan para imigran. Sementara itu kerajaan meluluskan Rang Undang-undang Orang Asing (Aliens Bill) pada bulan Oktober 1932.

Secara halus, undang-undang tersebut merupakan satu diskriminasi terhadap golongan lelaki Cina dewasa melalui pengenaan yuran mendarat dan syarat kemasukan serta sijil-sijil pemastutin.

Tun Tan Cheng Lock menentang sekatan tersebut dan menganggap yuran itu sebagai tidak perlu kerana imigran Cina telah berkurangan ekoran daripada kemelesetan ekonomi. Beliau berpendapat bahawa Ordinan Pembuangan dan Ordinan Sekatan Imigrasi mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menolak imigran-imigran Cina yang tidak diingini.

Pada pandangan beliau, yuran imigrasi tambahan akan menaikkan kos buruh dan menyebabkan barang-barang keluaran orang Melayu tiada saingan. Syarat-syarat sijil kemasukan juga mungkin akan menyebabkan pengamalan diskriminasi di kalangan pegawai imigrasi.

Dalam usaha ini, Tun Tan Cheng Lock disokong oleh beberapa orang rakan Ahli-ahli Tidak rasmi, Dewan



Tidak ramai pemimpin Cina boleh memasuki bidang pentadbiran

Pelombong Persekutuan Tanah Melayu serta akbar Sin Chew Jit Poh yang sentiasa memerhatikan aktiviti buruh. Penentangan itu juga boleh dikatakan berpunca daripada sikap diskriminasi dasar tersebut lantas menuduh pihak kerajaan sebagai mengamalkan dasar anti-Cina.

Malangnya bagi Tun Tan Cheng Lock kerana tidak semua orang Cina menyokong tindakan beliau. Umpamanya orang Cina kelahiran Negeri-negeri Selat menganggap Rang Undang-undang Orang Asing tidak akan membawa sebarang ancaman terhadap mereka.

Akhbar Straits Times melalui ruangan Pengarang mengkritik kenyataan Tun Tan Cheng Lock dan menyatakan bahawa Rang Undang-undang tersebut melindungi anak-anak Cina tempatan. Walaupun konsesi yang dimenangi oleh Tun Tan Cheng Lock bukanlah penarikan balik Rang Undang-undang tetapi konsesi yang lebih kecil kepada majlis Perundangan untuk menentukan yuran-yuran yang akan dihapuskan manakala sekatan ke atas imigrasi Cina dikenakan.

PENGIKHTIRAFAN TERTINGGI BUAT TUN TANG CHENG LOCK

Hakikat ini terbukti apabila kira-kita tiga juta rakyat berbangsa Cina di Tanah Melayu dan Asia Tenggara menganggap beliau pemimpin mereka. Malahan beliau bukan sahaja seorang pemimpin, tetapi lebih merupakan satu



Tun Tan Cheng Lock disegani semua golongan

institusi. Beliau juga dianggap sebagai satu bangsa atau "nation".

Jadi tidak hairanlah jikalau para sarjana British menggelar beliau sebagai "Saga Melaka" atau "The Sage of Malacca" iaitu satu gelaran yang secocok dengannya.

Tun Tan Cheng Lock juga amat terkenal dalam bidang politik. Keterlibatannya dalam bidang ini diteruskan sehinggalah ke peringkat usia yang lanjut. Dalam usia yang telah lanjut, beliau dengan berani menghadapi serangan bom dan peluru pengganas komunis untuk membimbing masyarakat Cina semasa darurat.)

Semasa berucap dalam satu perjumpaan umum di bangunan Dewan Perniagaan Cina Perak pada 10 April 1949, Tun Tan Cheng Lock telah mengalami kecederaan. Kecederaan tersebut berpunca daripada sebutir bom tangan yang dilemparkan oleh seorang pengganas komunis. Pada waktu itu beliau adalah Presiden Parti MCA.

Serangan itu tidak sedikitpun menggugat semangat beliau. Malahan sebaik sahaja pulih, beliau kembali bergiat di arena politik Tanah Melayu, membimbing dan memimpin sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan serta nasihat dan bimbingan.)



arga yang banyak berjasa kepada negara

SEMANGAT PATRIOTIK

Tun Tan Cheng Lock merupakan seorang pemimpin berpandangan jauh. Oleh itu beliau sentiasa memastikan hubungan antara kaum erat. Ini disebabkan semangat patriotik yang ada dalam diri beliau. Antaranya:

- i. Menggalakkan hubungjalin antara kaum
- ii. Menyediakan kemudahan semua kaum
- iii. Menjadi Presiden MCA
- iv. Pengiktirafan Raja Melayu dan British

i. Menggalakkan Hubungjalin Antara Kaum

Tun Tan Cheng Lock berusaha memajukan masyarakat di Tanah Melayu sentiasa terjamin. Justeru itu Tun Tan Cheng Lock menggalakkan masyarakat Cina bekerjasama dengan orang-orang Melayu mentabdir negara ini.

Tun Tan Cheng Lock berpendapat hubungan mesra kedua-dua kaum penting untuk mencapai kemerdekaan. Oleh itu Tun Tan Cheng Lock mendesak supaya campurtangan masyarakat Cina dan Melayu dalam pentadbiran British. Ini adalah untuk mendedahkan kepada mereka tentang pentadibiran yang sistematik. Oleh itu sejak kecil lagi Tun Tan Cheng Lock menggalakkan anaknya supaya bergaul dengan anak-anak dari bangsa lain supaya mewujudkan intergrasi antara kaum.



Hubungan erat dua pemimpin berlainan bangsa

ii. Menyediakan Kemudahan Semua Kaum

Semasa pemerintahan British, tidak banyak kemudahan yang disediakan untuk penduduk Tanah Melayu. Oleh itu telah menjadi kewajaran Tun Tan Cheng Lock mendesak supaya kerajaan British menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan dan sebagainya.

Walaupun desakan tidak didengari pada peringkat awal, sehingga memaksa Tun Tan Cheng Lock membantu penduduk Tanah Melayu terus maju dalam pendidikan dan perniagaan.

Anak-anak yang mencapai pendidikan yang tinggi diberi peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara. Hanya dengan cara ini dapat membuka mata penjajah.

iii. Menjadi Presiden MCA

Perlantikan Tun Tan Cheng Lock sebagai Presiden Malayan Chinese Association (MCA) merupakan satu kebanggaan bagi kebanyakan masyarakat Cina. Hanya dalam masa yang singkat sahaja, MCA mempunyai keahlian seramai 200 000 orang.

Dari situlah bermulanya era Tun Tan Cheng Lock. Beliau banyak memberi idea ke atas gagasan kemerdekaan terhadap tanah Melayu. Ini penting kerana selagi penjajahan dilakukan kerajaan British, selagi itu Tanah Melayu tidak

akan maju. Hanya melalui persatuan dan pergabungan sahaja berjaya memaksa British untuk memberi kemerdekaan.

iv. Pengiktirafan Raja Melayu dan British

Tun Tan Cheng Lock aktif dalam pelbagai badan kebajikan. Keaktifan membantu masyarakat dalam soal-soal pentadbiran semua bangsa di Tanah Melayu. Nama beliau begitu gah di Tanah Melayu.)

Oleh itu Sultan Johor berkenan menganugerahkan pingat (Darjah Paduka Mahkota Johor) DPMJ. Selain itu kerajaan British juga menganugerahkan pingat King George VI kerana tindakan beliau bekerjasama dengan kaum lain.

PENUTUP

Sumbangan Tun Tan Cheng Lock amat besar dalam usaha meletakkan batu asas perpaduan bagi rakyat Malaysia, walaupun pada mulanya unsur-unsur kecinaan masih wujud. Bagaimanapun, setelah memahami pentingnya perpaduan negara, sikap seperti itu semakin terhakis.

Tun Tan Cheng Lock bersama Datuk Onn Jaafar berusaha keras untuk menyatukan orang Melayu dengan orang Cina. Keadaan itu dapat direalisasikan dengan penubuhan parti Perikatan pada tahun 1952.

